



**JABATAN PENDAFTARAN NEGARA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**



**PERKHIDMATAN TERBAIK
UNTUK RAKYAT NEGARAKU**



NEGARAKU



LAPORAN TAHUNAN 2016

**JABATAN PENDAFTARAN NEGARA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**





JABATAN PENDAFTARAN NEGARA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Telefon: 03-80008000
Faksimili: 03-88808288
Web: www.jpn.gov.my

© Jabatan Pendaftaran Negara 2016
Penerbitan ini boleh diterbitkan semua secara keseluruhan atau sebahagiannya bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada Jabatan Pendaftaran Negara dengan syarat penghargaan diberikan kepada sumber rujukan berkenaan. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Pendaftaran Negara.

PENAUNG

YBhg. Dato' Mohd Yazid Bin Ramli
Ketua Pengarah Pendaftaran Negara

PENASIHAT

YBrs. Tn. Hj. Zamari Bin Mohd Ramli
Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (Pengurusan)

YBhg. Dato' Mohd Zahari Bin Hassan
Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (Operasi)

KETUA EDITOR

YBhg. Datin Ida Murni Binti Muhammad
Pengarah Bahagian Penyelarasan Dasar dan Pemantauan

EDITOR

Rosmida Binti Omar | Ahmad Sharidan Bin Mohd Alias

REKA LETAK/GRAFIK

Ahmad Sharidan Bin Mohd Alias

EDARAN

Bahagian Penyelarasan Dasar dan Pemantauan

PEGAWAI PERHUBUNGAN

Lim Hooi Ling (BKC)
Ahmad Musawwir Bin Azuddin (BWN)
Zaitunyahila Binti Mohamed Ismail (BKW)
Juliah Binti Ibrahim | Faridah Binti Haron | Roshaida Binti Muhammad Radzi (BTM)
Alia Hanani Binti Ismail (BPL)
Zuraini Binti Abdul Karim (UKK)
Sobri Bin Baharum (UI/AKRAB)
Raisyan Binti Auni | Nuraihan Binti Ibrahim (BPPR)
Nor Fadilah Binti Mat Shaari (BKP)
Zuraily Bin Junuha (BSK)
Shafinas Binti Sabran (BPM)
Sabariah Binti Md Said | Mohd Fauzi Bin Kadri (BKA)
Nursalwarina Binti Shawalludin (MADAH)
Na'emah Binti Abdullah (PUSPANITA)



KANDUNGAN

MAKLUMAT KORPORAT

6 - 18

LAPORAN EKSEKUTIF KETUA PENGARAH PENDAFTARAN NEGARA

19 - 28

IMBASAN 2016

29 - 36

STATISTIK URUSNIAGA UTAMA

37 - 46

URUSNIAGA UTAMA

47 - 60

KHIDMAT SOKONGAN

61 - 86

TADBIR URUS

87 - 94

KOMUNIKASI KORPORAT

95 - 100

PROGRAM TURUN PADANG

101 - 106

INOVASI & KUALITI

107 - 114

WARGA JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

115 - 132

MALUMAT KORPORAT >>
UCAPAN ALUAN KSU KDN



**UCAPAN
ALUAN
KETUA
SETIAUSAHA
KEMENTERIAN
DALAM NEGERI**





Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Negaraku Selamat Sejahtera dan Salam 1KDN

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Laporan Tahunan JPN 2016 dapat dikeluarkan dengan jayanya sepertimana amalan tahun-tahun sebelum ini.

Pertamanya, syabas kepada seluruh warga JPN kerana berjaya mengekalkan pengiktirafan sebagai Agensi Barisan Hadapan bertaraf Lima Bintang bagi kali ketiga berturut-turut yang diperoleh sejak tahun 2011. Sesungguhnya ia merupakan bukti utama yang menunjukkan bahawa wujud penambahbaikan berterusan terhadap tadbir urus organisasi yang dilaksanakan secara teratur dan sistem perkhidmatan kepada pelanggan disampaikan dengan baik berteraskan perundangan sedia ada. Kejayaan utama dalam sektor awam ini diperoleh hasil usaha berpasukan yang tinggi di pelbagai peringkat jentera pengurusan serta pelaksana.

Mengimbangi fungsi bagi Merakyatkan Perkhidmatan Awam, JPN juga pada tahun 2016 memberi lebih penekanan kepada pelaksanaan penguatkuasaan bagi membanteras aktiviti salah laku dan sindiket pemalsuan dokumen pengenalan diri. Aktiviti penguatkuasaan JPN akan lebih diperhebat pada tahun-tahun akan datang dengan pewartaan pindaan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 299 yang

memberi autoriti kepada JPN untuk menyiasat, menahan, menyita dan menggeledah sebarang kesalahan berkaitan pendaftaran kelahiran dan kematian.

Kejayaan penganjuran Hari Pendaftaran Negara bagi tahun keempat berturut-turut juga adalah satu indikasi komitmen JPN untuk menghargai dan melebarkan laluan kerjaya warga Jabatan khususnya Skim KP. Penghargaan samada ada dari pihak Pengurusan mahupun pelanggan adalah satu motivasi yang ampuh kepada warga Jabatan untuk terus menyampaikan perkhidmatan dengan cemerlang. Syabas JPN kerana tidak sesekali membelakangkan kebajikan warganya.

Semoga JPN terus melangkah lebih jauh dalam merealisasikan Agenda Transformasi Negara ke arah Transformasi Nasional 2050 melalui aspirasi NegaraKu demi kesejahteraan dan kedaulatan Negara.

Sekian, terima kasih.

DATO' SRI ALWI BIN HJ. IBRAHIM

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri

VISI, MISI, OBJEKTIF
DASAR KUALITI, SLOGAN
KRAR & LAGU JPN

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA



VISI

Peneraju Terunggul Pengurusan Rekod Penduduk Negara Demi Keselamatan Dan Kesejahteraan



OBJEKTIF

Mengumpul Dan Menyelenggara Rekod-Rekod Kelahiran, Kematian, Anak Angkat, Kad Pengenalan, Perkahwinan Dan Penceraian Serta Warganegara Bagi Semua Penduduk Malaysia Untuk Memenuhi Keperluan Keselamatan Dan Pembangunan Negara



SLOGAN

Rakyat Di Hati JPN



MISI

Memastikan Pengurusan Rekod Pengenalan Diri Yang Sahih Dan Terpelihara Dengan Memberikan Perkhidmatan Terbaik Kepada Penduduk Demi Keselamatan Negara Serta Sebagai Agensi Rujukan Utama Rekod Penduduk Negara



DASAR KUALITI

Jabatan Pendaftaran Negara Komited Untuk Memberi Perkhidmatan Yang Berkualiti, Cekap, Tepat Dan Mesra Demi Kepentingan Negara



IKRAR

Bahawa kami
Warga JPN
Berikrar
Akan sentiasa menjalankan tugas-tugas
Dengan bersih, cekap dan amanah
Adil dan saksama
Serta rajin dan berdisplin
Bagi mencapai
Wawasan JPN dan Negara



LAGU


Jabatan Pendaftaran Negara
Berkhidmat kepada watan dan bangsa
Untuk mendaftar peristiwa penting
Kesejahteraan rakyat tergembeling

Amanah, cekap dan mesra
Falsafah dan juga amalan kita
Melayani rakyat yang berkunjung
Disambut hormat dan disanjung

Dalam pembangunan negara
Peranan kami turut diharga
Kumpul data untuk perancangan
Disusun tanpa keraguan

Jabatan Pendaftaran Negara
Berkhidmat kepada watan dan bangsa
Untuk mendaftar peristiwa penting
Kesejahteraan rakyat tergembeling

CARTA ORGANISASI





MAKLUMAT KORPORAT >>
PENGARAH-PENGARAH

PENGURUSAN JPN

Sehingga 31 Disember 2016



KETUA PENGARAH

JABATAN PENDAFTARAN
NEGARA

**YBHG. DATO' MOHD
YAZID BIN RAMLI**

JUSA B



**TIMBALAN KETUA
PENGARAH PENDAFTARAN
NEGARA (PENGURUSAN)**

**YBRS. TN. HJ. ZAMARI
BIN MOHD RAMLI**

JUSA C



**TIMBALAN KETUA
PENGARAH PENDAFTARAN
NEGARA (OPERASI)**

**YBHG. DATO' MOHD
ZAHARI BIN HASSAN**

JUSA C



PENGARAH

**TEKNOLOGI MAKLUMAT
& KOMUNIKASI**

**PN. NURUL ASHIKIN
BINTI SUBLI**

JUSA C



PENGARAH
BAHAGIAN KAD PINTAR
PELBAGAIGUNA KERAJAAN

**PN. NOR'AINI BINTI
AB. GHANI**

F54



PENGARAH
BAHAGIAN SIASATAN &
PENGUATKUASAAN

**EN. MOHAMAD YUSRI
BIN HASHIM**

PTD M54



PENGARAH
BAHAGIAN
KAD PENGENALAN

**EN. BADRUL HISHAM
BIN ALIAS**

PTD M54



PENGARAH
BAHAGIAN
PENGURUSAN REKOD

**EN. ABDUL RASHID
BIN HAMZAH**

PTD M52



PENGARAH
BAHAGIAN PERKAHWINAN
& PERCERAIAN

PN. LIM HOOI LING

PTD M52



PENGARAH
BAHAGIAN
KEWARGANEGARAAN

**EN. MOHAMAD SHUKRI
BIN NAWI**

PTD M52



PENGARAH
BAHAGIAN KHIDMAT
PENGURUSAN &
SUMBER MANUSIA

**EN. BILLY ANAK
VALENTINE JIHIR**

PTD M52



PENGARAH
BAHAGIAN PENYELARASAN
DASAR & PEMANTAUAN

**YBHG. DATIN IDA MURNI
BINTI MUHAMMAD**

PTD M52



PENGARAH
UNIT INTEGRITI

PN. OLIVIA BINTI OGOR

PTD M52



PENGARAH
**BAHAGIAN KEWANGAN &
PEMBANGUNAN**

EN. RAIS BIN AYOP
PTD M52



PENGARAH
**BAHAGIAN
KELAHIRAN, KEMATIAN
& ANAK ANCKAT**

**PN. SUZAILA BINTI
SHAHARUDIN**
PTD M52



PENGARAH
**BAHAGIAN
LATIHAN**

**EN. MOHAMMAD
HARITH SHAHRIZAN BIN
SHAHRAIN**
PTD M52



PEGAWAI
PERHUBUNGAN AWAM

**PN. FARA MAYA BINTI
AHMAD JELANI**
S44



PENASIHAT
UNDANG-UNDANG

**EN. IRWAN SYAH BIN
ABDUL SAMAT**
L44

PENGARAH JPN NEGERI



PENGARAH
JPN NEGERI SABAH

**YBHG. DATO' ISMAIL
BIN AHMAD**
JUSA C



PENGARAH
JPN NEGERI JOHOR

**PN. ROKIAH HANUM
BINTI IBRAHIM**
PTD M54



PENGARAH
JPN W.P. KUALA LUMPUR

**EN. YAHAYA BIN
ABD. AZIZ**
PTD M54



PENGARAH
JPN NEGERI SELANGOR

**EN. ZAHROLLAIL BIN
ZAINAL**
PTD M54



PENGARAH
JPN NEGERI SARAWAK

EN. JASNI BIN HJ. JUBLI
PTD M54



PENGARAH
JPN NEGERI PERAK

EN. ABDULLAH BIN DAUD
PTD M54



PENGARAH
JPN NEGERI KEDAH

**EN. ZUHAIR
BIN JAMALUDIN**
PTD M52



PENGARAH
JPN NEGERI PULAU PINANG

EN. ASUAT BIN AHMAD
PTD M52



PENGARAH
JPN NEGERI KELANTAN

**PN. ASREHAN BINTI AB.
RAZAK**
PTD M52



PENGARAH
JPN NEGERI PAHANG

**PN. JUZILAWATI BINTI
KAMARUDIN**
PTD M52



PENGARAH
JPN NEGERI SEMBILAN

**EN. MOHD SHAHRIL
NEOH BIN ABDULLAH**
PTD M48



PENGARAH
JPN NEGERI MELAKA

**EN. NORAZLE BIN
SULAIMAN**
PTD M48



PENGARAH
JPN NEGERI TERENGGANU

**EN. MOHAMMAD NASIR
BIN KAREEM**
PTD M48



PENGARAH
JPN NEGERI PERLIS

**EN. MOHD NASHARUDIN
BIN MD YUSOF**
PTD M44



PENGARAH
JPN W.P. LABUAN

EN. DAIM BIN GUNTING
KP42

CAWANGAN JPN

231 CAWANGAN SELURUH NEGARA



19
PEJABAT

JOHOR

Johor Bahru | Pontian | Muar | Kulai | Tangkak | Kota Tinggi
Kluang | Simpang Renggam | Bandar Penawar | Segamat
Rengit | Labis | Yong Peng | Mersing | Pasir Gudang
Batu Pahat | Pagoh | UTC Johor | RTC Johor



14
PEJABAT

KEDAH

Alor Star | Kubang Pasu | Baling | UTC Sungai Petani | Pendang
Langkawi | Kulim | Padang Terap | Sik | Pokok Sena
Bandar Baharu | Yan | UTC Kedah | RTC Kedah



14
PEJABAT

KELANTAN

Kota Bharu | Pasir Mas | Jeli | Tumpat | Ketereh | Pasir Puteh
Tanah Merah | Gua Musang | Machang | Kuala Krai | Bachok
RTC Kelantan | UTC Kelantan | Hospital Raja Perempuan Zainab II



7
PEJABAT

MELAKA

Ayer Keroh | Jasin | Alor Gajah | Melaka Tengah
Masjid Tanah | UTC Melaka | RTC Melaka



9
PEJABAT

NEGERI SEMBILAN

Seremban | Senawang | Gemas | Jelebu | Jempol
Kuala Pilah | Port Dickson | Tampin | RTC Negeri Sembilan



17
PEJABAT

PAHANG

Indera Mahkota | Maran | Bera | Jerantut | Cameron Highlands
Rompin | Pekan | Raub | Lipis | Bentong | Jengka | Temerloh
Muadzam Shah | Mentakab | Pulau Tioman | UTC Pahang
RTC Pahang



8
PEJABAT

PULAU PINANG

George Town | Butterworth | Jawi | Balik Pulau | Bayan Baru
Bertam | Bukit Mertajam | RTC Pulau Pinang



22
PEJABAT

PERAK

Ipoh | Batu Gajah | Kampar | Bota | Taiping | Slim River
Kuala Kangsar | Sungai Siput | Tapah | Seri Manjung | Gerik
Parit Buntar | Bagan Datuk | Lenggong | Selama | Tanjung Malim
Kampung Gajah | Pengkalan Hulu | Kamunting | Teluk Intan
UTC Perak | RTC Perak



1
PEJABAT

PERLIS


Kangar



17
PEJABAT

SELANGOR

Shah Alam | Petaling Jaya | Klang | Kajang | Kuala Selangor
Sepang | Sabak Bernam | Kuala Kubu Baru | Banting
Kota Damansara | Batu Caves | Taman Melawati | Puchong
Pelabuhan Klang | Seri Kembangan | Rawang
Hospital Tengku Ampuan Rahimah



10
PEJABAT

TERENGGANU

Kuala Terengganu | Dungun | Kuala Berang | Marang
Besut | Kemaman | Setiu | Kerteh | UTC Terengganu
RTC Terengganu



1
PEJABAT

W.P. PUTRAJAYA

Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara



29
PEJABAT

SABAH

Kota Kinabalu | Kuala Penyu | Penampang | Tuaran | Papar
Kota Belud | Ranau | Sipitang | Tongod | Kudat | Tambunan
Beaufort | Tenom | Kota Marudu | Sandakan | Kinabatangan
Lahad Datu | Telupid | Beluran | Semporna | Pitas | Inanam
Tungku | Nabawan | Kunak | UTC Sabah | UTC Keningau
UTC Tawau | Hospital Likas



53
PEJABAT

SARAWAK

Kuching | Balingian | Batu Kawa | Bau | Belaga | Daro | Beluru
Betong | Bintangor | Bintulu | Dalat | Debak | Engkilili | Julau
Kabong | Kanowit | Kapit | Samarahan | Lawas | Limbang | Lingga
Long Lama | Lubuk Antu | Marudi | Maludam | Matu | UTC Miri
Mukah | Roban | Nanga Budu | Sebauh | Sebuyau | Petra Jaya
Pusa | Sadong Jaya | Saratok | Sarikei | Selangau | Serian | Song
UTC Sibul | RTC Sarawak | Simunjan | Sri Aman | Spaoh | Tatau
Niah | Tebedu | Lundu | Hospital Umum Sarawak | Tanjung Manis
Pakan | UTC Sarawak



9
PEJABAT

W.P. KUALA LUMPUR


Jalan Duta | Seputeh | Taman Maluri | Bandar Tun Razak
UTC Keramat | UTC Kuala Lumpur | UTC Sentul
Kepong | Hospital Kuala Lumpur



1
PEJABAT

W.P. LABUAN

UTC Labuan



ISNIN - JUMAAT

JPN PUTRAJAYA & JPN NEGERI KECUALI KEDAH, KELANTAN, TERENGGANU & JOHOR

SABTU - 9.00 AM - 2.00 PM

JPN PUTRAJAYA, SELANGOR, PULAU PINANG & NEGERI SEMBILAN

AHAD - RABU

KEDAH, KELANTAN, TERENGGANU & JOHOR
KHAMIS - 7.30 AM - 5.30 PM

ISNIN - JUMAAT

CAWANGAN JPN NEGERI KECUALI KEDAH, KELANTAN, TERENGGANU & JOHOR

AHAD - RABU

CAWANGAN KEDAH, KELANTAN, TERENGGANU & JOHOR

KHAMIS - 7.30 AM - 3.00 PM

UTC DIBUKA SETIAP HARI KECUALI HARI KELEPASAN AM

**LAPORAN
EKSEKUTIF
KETUA
PENGARAH
PENDAFTARAN
NEGARA**





Alhamdulillah,
JPN sentiasa dianugerahkan oleh
Allah SWT segala kemudahan dan
kelancaran dalam menyampaikan
perkhidmatan yang sebaik-baiknya
kepada rakyat di seluruh negara.



Penjanaan idea menggunakan prinsip *Blue Ocean Strategy* (BOS) yang menekankan kepada konsep *high impact, low cost* dan *rapid execution* telah dijadikan tunjang dalam meneroka peluang dan kaedah penyelesaian untuk menyampaikan perkhidmatan yang melangkaui ekspektasi pelanggan, meningkatkan produktiviti serta imej Jabatan seiring dengan perubahan landskap semasa.

Pebagai transformasi pembaharuan gerak kerja Jabatan telah dilaksanakan dan beberapa kejayaan manis telah diraih di peringkat kebangsaan dan antarabangsa hasil kerjasama erat dan keras seperti berikut:



KECEMERLANGAN URUSNIAGA JPN

PETUNJUK PRESTASI UTAMA - KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI) MENTERI DALAM NEGERI

KPI Menteri Dalam Negeri bagi tahun 2016 di bawah bidang kuasa JPN adalah untuk memastikan permohonan pendaftaran kelahiran lewat bagi kanak-kanak di bawah usia satu (1) tahun yang dilahirkan di Hospital Kerajaan di Semenanjung Malaysia diselesaikan dalam tempoh lima (5) hari bekerja berbanding sebelum ini 14 hari. Ini bagi menjaga kebajikan ibu bapa dan kanak-kanak berkenaan dalam memperoleh dokumen pengenalan diri dalam menjalankan urusan seharian.

Sehingga Disember 2016, JPN telah berjaya mencapai sasaran 100% dengan memproses 1,583 permohonan dalam tempoh masa yang ditetapkan. KPI ini telah menggerakkan Jabatan ke satu tahap yang lebih baik yang menggambarkan keupayaan JPN untuk menyediakan perkhidmatan yang melangkaui ekspektasi para pelanggannya.



1,583

 PERMOHONAN


PENDAFTARAN KELAHIRAN LEWAT BAGI KANAK-KANAK
DI BAWAH USIA 1 TAHUN YANG DILAHIRKAN DI HOSPITAL
KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA DISELESAIKAN
DALAM TEMPOH 5 HARI BEKERJA



INTEGRASI SISTEM PERMIT MENGUBUR-PENDAFTARAN KEMATIAN PDRM & JPN

Pelaksanaan integrasi ini telah dapat meminimalkan penggunaan kertas dan borang manual serta mengurangkan beban petugas JPN untuk kemasukan data dan menghapuskan amalan sekarang di mana petugas PDRM perlu membuat penghantaran borang manual pendaftaran kematian ke pejabat JPN berdekatan.

Kerjasama ini dapat meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan Jabatan dan memberikan impak yang besar kepada Kerajaan di mana maklumat mengenai kematian dapat diterima oleh JPN secara atas talian sekaligus data kependudukan dapat segera dikemaskini.



RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN (PINDAAN) 2016 (AKTA 299)

Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) yang digunakan sejak tahun 1957 telah dipinda dalam memastikan JPN bergerak seiring dengan perubahan landskap Negara. Pindaan Akta 299 telah dibahaskan serta diluluskan oleh Parlimen pada 19 Disember 2016. Melalui pindaan Akta ini, JPN turut diberi kuasa untuk membuat siasatan dan pendakwaan bagi aktiviti pendaftaran kelahiran dan kematian serta boleh mengenakan hukuman yang lebih berat kepada kesalahan di bawah Akta ini.



STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN - NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY (NBOS)



1. **Pembukaan Pejabat JPN di UTC dan RTC**

JPN adalah salah satu agensi di bawah KDN yang memainkan peranan penting dalam program Pusat Tranformasi Bandar (UTC) dan Pusat Tranformasi Daerah (RTC) bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik dan

berkualiti kepada rakyat. UTC dan RTC merupakan pusat sehati yang menyediakan pelbagai perkhidmatan utama kerajaan dan swasta kepada komuniti setempat. *Timeline* berikut menunjukkan senarai pejabat JPN yang beroperasi di UTC dan RTC sehingga 31 Disember 2016.



Ringkasan statistik urusniaga di UTC dan RTC adalah seperti di berikut;




2. 1Serve

1Malaysia Customer Service of Civil Servants (1Serve) merupakan inisiatif di bawah kelolaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) diwujudkan bagi meningkatkan tahap kepuasan pelanggan dan sistem penyampaian petugas barisan hadapan.

Salah satu aktiviti di bawah inisiatif ini ialah pewujudan Kaunter 1Serve di UTC Keramat, Kuala Lumpur iaitu pemusatan kaunter nombor giliran bagi JPN dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Melalui inisiatif ini


juga, JPN menyediakan perkhidmatan di kaunter JPA4U menggunakan petugas JPA melalui penurunan kuasa oleh Pendaftar Besar. Seterusnya konsep 1Serve sedang diperkembangkan kepada aktiviti 'Satu Kaunter Pelbagai Perkhidmatan Pelbagai Agensi' yang membenarkan seorang petugas menerima/memproses permohonan pelanggan yang meliputi pelbagai agensi berbeza (JPN, JIM dan JPJ). Ini sekaligus memudahkan pelanggan mendapatkan perkhidmatan dari pelbagai agensi daripada seorang petugas kaunter sahaja dan sememangnya memudahkan dan menjimat masa.



3. *Mobile CTC*

Inisiatif *Mobile Community Transformation Centre (CTC)* merupakan perkhidmatan secara bergerak kepada masyarakat luar bandar melibatkan lebih 30 agensi Kerajaan termasuk JPN yang diselaraskan oleh Kementerian Kewangan. Melalui program ini JPN telah berjaya membawa perkhidmatan Kerajaan lebih dekat dengan masyarakat luar bandar yang tidak mempunyai akses langsung kepada kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan disebabkan kekangan geografi dan sebagainya.

Perkhidmatan *mobile* bergerak menggunakan bas yang dilengkapi dengan kemudahan ICT, berperanan memberikan perkhidmatan permohonan MyKad dan khidmat nasihat kepada orang ramai. Sehingga 31 Disember 2016, statistik aktiviti *Mobile CTC* JPN adalah seperti berikut:





PENGIKTIRAFAN

Bagi tahun 2016, JPN telah menyertai beberapa pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Penyertaan ini merupakan satu bentuk lonjakan motivasi untuk mengiktiraf pembaharuan dan transformasi yang dilaksanakan oleh Jabatan. Antara penglibatan JPN adalah seperti berikut:

ANUGERAH INOVASI ANTARABANGSA CAPAM TAHUN 2016 (KATEGORI CITIZEN FOCUSED INNOVATION MELALUI PROGRAM OUTREACH JPN)

JPN telah terpilih sebagai finalis dalam kategori *Citizen-Focused Innovation* bagi Anugerah Inovasi Antarabangsa *Commonwealth Association For Public Administration and Management (CAPAM)* 2016 melalui Program *Outreach* JPN. JPN telah menonjolkan transformasi perkhidmatan *outreach* yang bermula dengan pelaksanaan secara manual sehinggalah penggunaan sistem ICT yang membantu memudahkan dan mempercepatkan pemprosesan pendaftaran individu di lapangan. Impak keberhasilan pelaksanaan program *outreach* ini adalah individu yang layak, diberikan dokumen pengenalan diri yang membolehkan mereka menikmati bantuan Kerajaan dan menjamin hak sebagai rakyat Malaysia.



PENARAFAN LIMA (5) BINTANG AGENSI SEKTOR AWAM 2015-2016



JPN sekali lagi telah menerima pengiktirafan Lima Bintang (Indeks Penarafan Bintang) Agensi Sektor Awam bagi kategori Agensi Barisan Hadapan. Ini merupakan pengiktirafan kali ketiga berturut-turut kepada JPN. Bagi penilaian yang diadakan oleh pihak MAMPU pada tahun 2015, JPN telah menonjolkan program transformasi Jabatan yang menjurus kepada peningkatan tadbir urus dan juga kualiti penyampaian perkhidmatan yang dapat memberi impak terus dan boleh dirasai oleh rakyat secara keseluruhannya. Projek transformasi yang dinilai oleh MAMPU adalah:

1. **Percetakan Teragih MyKad**
Mempercepatkan proses pengeluaran MyKad bagi permohonan yang diterima di pejabat yang mempunyai mesin cetak dalam tempoh 24 jam.
2. **myIDENTITY**
Pengintegrasian sistem ICT agensi Kerajaan dan pangkalan data JPN yang membolehkan perkongsian bagi pengesahan maklumat peribadi yang tepat dan sah.
3. **Outreach**
Perkhidmatan JPN secara bergerak dan mengikut keperluan golongan sasaran.
4. **Penyelarasan Daftar Kematian Dan Permit Mengubur**
Inisiatif untuk memudahkan proses pendaftaran kematian melalui penggabungan dokumen permit mengubur dan pendaftaran kematian.
5. **Integrasi Sistem Kelahiran Dengan Hospital**
Kerjasama strategik dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menjamin maklumat kelahiran yang sah dan tepat.

ANUGERAH AKRAB KATEGORI ORGANISASI (AKRAB DINAMIK)

AKRAB JPN telah dianugerahkan Anugerah AKRAB Dinamik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia semasa Majlis Konvensyen AKRAB Kebangsaan Ketujuh pada 13 Mei 2016. Anugerah AKRAB Dinamik ini adalah anugerah AKRAB yang kedua tertinggi di peringkat Kebangsaan yang diberikan kepada Agensi Sektor Awam kerana telah berjaya melaksanakan program-program AKRAB yang berimpak tinggi sepanjang tahun 2015 dan 2016.



PENSIJILAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Selaras dengan pembaharuan yang telah dilaksanakan oleh MAMPU menjenamakan semula Amalan 5S-Persekitaran Berkualiti bagi Agensi Sektor Awam dengan menambahbaik kriteria-kriteria sedia ada 5S, JPN telah mengorak langkah untuk merealisasikan hasrat Kerajaan dengan mendapatkan pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dari MAMPU. Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 16 pejabat JPN telah memperoleh pensijilan EKSA



MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM

JPN melalui projek bertajuk “Kesukaran Menjalankan Aktiviti *Mobile & Outreach*” (Trolis T-Smart) telah terpilih mewakili Kementerian Dalam Negeri dalam Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam (MPIPA) Peringkat Kebangsaan Tahun 2016 yang telah berlangsung pada 13 - 15 November 2016 bertempat di Melaka International Trade Centre (MITC), Melaka.

Majlis Pengiktirafan Persada Inovasi Perkhidmatan Awam pada 15 November 2016 telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dato’ Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara.



Tahniah kepada semua warga JPN dan semoga kita semua dapat mengekalkan momentum kecemerlangan ini. Tahun 2017 akan lebih mencabar dengan kepelbagaian dasar baharu Kerajaan yang lebih memerlukan komitmen kita semua dalam merealisasikan manifesto Transformasi Nasional 2050.

Namun, apa yang paling penting dalam memastikan visi, misi, fokus serta iltizam yang disasarkan tercapai adalah berbalik kepada jati diri individu. Pematuhan kepada undang-undang dan peraturan yang disulami nilai-nilai murni, menjadikan penjawat awam yang berintegriti dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan bagi merealisasikan slogan “Rakyat di Hati JPN; Perkhidmatan Terbaik Untuk Rakyat NegaraKu”.

Sekian, wabillahitaufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarkatuh.

Dato' Mohd Yazid Bin Ramli
Ketua Pengarah Pendaftaran Negara

IMBASAN 2016



JAN

Pelancaran kaunter 1 Malaysia *Customer Service of Civil Servants* (1Serve) di UTC Keramat, Kuala Lumpur oleh Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

5



Perasmian cawangan JPN di UTC Sungai Petani, Kedah oleh YAB. Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia

27

28

Lawatan Pengauditan Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di JPN Putrajaya oleh MAMPU

FEB

5



Majlis sekalung Budi sempena persaraan Timbalan Ketua Pengarah (ICT), Tn. Hj. Zakaria Awi dan Pengarah Bahagian Siasatan dan Kuatkuasa, En. Wan Zakaria b Wan Awang serta pertukaran Pengarah JPN Perak, YBhg. Dato' Mohd Zahari bin Hassan.

6

Perasmian cawangan JPN di UTC W.P Labuan oleh YAB. Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia

17



MAC

4

Perasmian cawangan JPN di RTC Melaka oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi Timbalan Perdana Menteri Malaysia



APR

Penyampaian Anugerah Khas Agensi Cemerlang oleh
oleh YAB. Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul
Razak, Perdana Menteri Malaysia kepada KPPN
sempena perasmian JPN Cawangan UTC Johor.



6



Perasmian cawangan JPN di UTC Miri, Sarawak
oleh YAB. Dato' Sri Mohd Najib Bin
Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia

2

Pengiktirafan 5 Bintang Agensi Sektor Awam Tahun
2015-2016 oleh MAMPU kepada JPN



4



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2015

12

Majlis Persaraan Jasamu Dikenang Tahun 2016



15



15

17

Hari Kejohanan Sukan Pendaftaran
Negara (SUPMA 2016)

APR

Perasmian Cawangan JPN UTC Sibu, Sarawak oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi Timbalan Perdana Menteri Malaysia

22



Anugerah AKRAB Kategori Organisasi AKRAB Dinamik di Majlis Konvensyen & Majlis Pentauliahan AKRAB Kebangsaan kali ke-7

23

Perasmian Cawangan JPN RTC Terengganu oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi Timbalan Perdana Menteri Malaysia

MEI

13



Pelantikan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara Ke-20, YBrs. Tuan Mohd Yazid bin Ramli

13

Majlis *Clock Out* YBhg. Dato' Sri Sulaiman Bin Hj. Keling, Ketua Pengarah Pendaftaran Negara Ke-19

24



25

Majlis serah tugas Ketua Pengarah Pendaftaran Negara

MEI

Majlis Sekalung Budi Perpisahan
YBhg. Datin Seri Elena Chiang Abdullah, Timbalan
Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (Pengurusan)

27



JUN



20

Sesi serah tugas Tn. Hj. Zamari bin Mohd Ramli,
Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara
(Pengurusan) & YBhg. Dato' Mohd Zahari bin Hassan,
Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara
(Operasi)

28

Program Penerapan Nilai-Nilai Murni Sempena
Penghayatan Nuzul Al-Quran & Pengukuhan Integriti



27

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2016
Peringkat JPN



JUL

International Innovation Award 2016 (IIA), CAPAM
di PICC, Putrajaya

14

20



22

26

Laluan khas untuk wanita di
kaunter perkhidmatan JPN sempena
Hari Wanita Kebangsaan



SEP

Program Korban Aidil Adha JPN 2016/1437H yang disertai oleh KPPN di Presint 14, Putrajaya

12



OKT



2

Sambutan Maal Hijrah 1438H/2016M Peringkat Kebangsaan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor

Sambutan Hari Pendaftaran Negara

4



5

6

Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif JPN 2016

Sambutan Hari Inovasi JPN 2016

7



7

Hari Sukan Negara Peringkat JPN & JPN *Explorace*

OKT

Sesi Pembentangan Dan Viva Kumpulan KIK Bagi
Persediaan Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam
2016



10



10

13

Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif
(KIK) Peringkat KDN 2016

Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan Tahun 2016
Peringkat JPN



20



25

Lawatan Pembangunan YBrs. Tn. Mohd Yazid Bin Ramli,
KPPN bersama pengarah-pengarah bahagian dan negeri
ke pejabat JPN Perak Tengah, Perak

Pameran JPN Sempena Sambutan Hari Inovasi KDN
2016 di KDN Putrajaya.



2

3



13

15

Pameran Kumpulan T-Smart dari JPN
Terengganu sempena Majlis Persada
Inovasi Perkhidmatan Awam (MPIPA) di
MITC Melaka

NOV

Lawatan *Walkabout* YBhg. Tan Sri Dr Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara Ke JPN Cawangan UTC Terengganu

21



30

Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 1Malaysia & Mesyuarat Tahunan Puspanita Tahun 2016

DIS

Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1438H/2016M Peringkat Kebangsaan di Masjid Putra, Putrajaya

11



14

Majlis Penyerahan Pejabat JPN Seri Iskandar, Daerah Perak Tengah oleh Pengarah JKR Perak kepada Timbalan Pengarah JPN Perak

STATISTIK URUSNIAGA UTAMA



RINGKASAN STATISTIK URUSNIAGA UTAMA

** Statistik urusniaga daripada SISTEM IJPN adalah sehingga 31 Disember 2016 (Tarikh janaan: 14 Mac 2017)

STATISTIK URUSNIAGA UTAMA 2016 BERBANDING 2015

PERKARA	2016	2015	%
Pendaftaran Kelahiran	526,189	536,182	↓ 1.86 %
Pendaftaran Kematian	167,139	162,792	↓ 2.67 %
Pendaftaran Pengangkatan Mahkamah	2,621	5,301	↓ 50.56 %
Pendaftaran Pengangkatan De Facto	5,686	5,486	↑ 3.65 %
Permohonan Kad Pengenalan	3,210,145	3,694,924	↓ 13.12 %
Permohonan Pendaftaran Perkahwinan	62,795	68,314	↓ 8.08 %
Permohonan Pendaftaran Perceraian	11,968	12,085	↓ 0.97 %
Permohonan Pendaftaran Pembatalan Perkahwinan	618	627	↓ 1.43 %
Permohonan Kewarganegaraan	16,439	14,041	↑ 17.08 %
Pengesahan Taraf Kewarganegaraan	2,895	2,865	↑ 1.05 %
Tolakan Kewarganegaraan	9,441	8,082	↑ 16.81 %
KESELURUHAN	3,953,141	4,442,485	↓ 11.01 %

KELAHIRAN, KEMATIAN & ANAK ANGKAT

PENDAFTARAN KELAHIRAN MENGIKUT JANTINA

2015	2016				2015	2016
276,003	270,906	Lelaki			Perempuan	258,164
	↓ 1.85 %					253,267
						↓ 1.90 %

PENDAFTARAN KELAHIRAN MENGIKUT KETURUNAN

Melayu		Cina		India		Lain-lain	
2015	2016	2015	2016	2015	2016	2015	2016
336,183	334,422	70,344	65,828	24,403	23,230	103,237	100,693
	↓ 0.52 %		↓ 6.42 %		↓ 4.81 %		↓ 2.46 %

PENDAFTARAN KELAHIRAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	2015	2016	%
Johor	62,861	62,254	↓ 0.97 %
Kedah	36,957	36,339	↓ 1.67 %
Kelantan	38,882	37,876	↓ 2.60 %
Melaka	15,008	14,958	↓ 0.33 %
Negeri Sembilan	18,068	17,580	↓ 2.70 %
Pahang	28,528	27,830	↓ 2.45 %
Pulau Pinang	22,868	22,231	↓ 2.79 %
Perak	38,710	37,882	↓ 2.14 %
Perlis	4,865	4,979	↑ 2.34 %
Selangor	83,079	80,194	↓ 3.47 %
Terengganu	27,192	26,967	↓ 0.83 %
Sabah	57,766	56,159	↓ 2.79 %
Sarawak	40,003	40,757	↑ 1.88 %
W.P. Kuala Lumpur	39,152	38,236	↓ 2.34 %
W.P. Labuan	1,868	1,644	↓ 12.00 %
W.P. Putrajaya	18,360	18,287	↓ 0.40 %
JUMLAH	536,182	526,189	↓ 1.86 %

PENDAFTARAN KEMATIAN MENGIKUT JANTINA

2015	2016		2015	2016
92,512	95,573	Lelaki 	68,265,	69,550
	↑ 3.31 %			↑ 1.88 %
		Perempuan 		

PENDAFTARAN KEMATIAN MENGIKUT KETURUNAN

Melayu 		Cina 		India 		Lain-lain 	
2015	2016	2015	2016	2015	2016	2015	2016
84,974	86,895	42,178	43,319	14,640	15,375	18,985	19,534
	↑ 2.26 %		↑ 2.70 %		↑ 5.02 %		↑ 2.89 %


PENDAFTARAN KEMATIAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	2015	2016	%
Johor	19,793	20,269	↑ 2.40 %
Kedah	13,828	14,007	↑ 1.29 %
Kelantan	11,336	11,146	↓ 1.68 %
Melaka	5,014	5,183	↑ 3.37 %
Negeri Sembilan	6,803	6,932	↑ 1.90 %
Pahang	8,660	8,863	↑ 2.34 %
Pulau Pinang	10,811	11,087	↑ 2.55 %
Perak	17,863	18,531	↑ 3.74 %
Perlis	1,924	2,039	↑ 5.98 %
Selangor	21,735	22,935	↑ 5.52 %
Terengganu	6,903	6,930	↑ 0.39 %
Sabah	9,767	10,160	↑ 4.02 %
Sarawak	13,066	12,924	↓ 1.09 %
W.P. Kuala Lumpur	10,845	11,076	↑ 2.13 %
W.P. Labuan	272	292	↑ 7.35 %
W.P. Putrajaya	2,157	2,749	↑ 27.44 %
JUMLAH	162,792	167,139	↑ 2.67 %

PENDAFTARAN ANAK ANGKAT MAHKAMAH MENGIKUT JANTINA



PENDAFTARAN ANAK ANGKAT MAHKAMAH MENGIKUT KETURUNAN



PENDAFTARAN ANAK ANGKAT MAHKAMAH MENGIKUT NEGERI

NEGERI	2015	2016	%
Selangor	1	4	↑ 300 %
Sabah	338	373	↑ 10.35 %
Sarawak	4,073	1,372	↓ 66.31 %
W.P. Putrajaya	889	872	↓ 1.91 %
JUMLAH	5,301	2,621	↓ 50.56 %

PENDAFTARAN ANAK ANGKAT DE FACTO MENGIKUT JANTINA

2015	2016		2015	2016
2,814	2,896	Lelaki	2,672	2,790
	↑ 2.91 %			↑ 4.42 %
		Perempuan		
				

PENDAFTARAN ANAK ANGKAT DE FACTO MENGIKUT KETURUNAN

Melayu		Cina		India		Lain-lain	
2015	2016	2015	2016	2015	2016	2015	2016
3,591	3,577	149	146	214	216	1,532	1,747
	↓ 0.39 %		↓ 2.01 %		↑ 0.93 %		↑ 14.03 %

PENDAFTARAN ANAK ANGKAT DE FACTO MENGIKUT NEGERI

NEGERI	2015	2016	%
Johor	910	1,036	↑ 13.85 %
Kedah	441	412	↓ 6.58 %
Kelantan	249	243	↓ 2.41 %
Melaka	279	331	↑ 18.64 %
Negeri Sembilan	338	327	↓ 3.25 %
Pahang	334	413	↑ 23.65 %
Pulau Pinang	296	285	↓ 3.72 %
Perak	442	466	↑ 5.43 %
Perlis	59	55	↓ 6.78 %
Selangor	974	1,058	↑ 8.62 %
Terengganu	222	190	↓ 14.41 %
W.P. Kuala Lumpur	243	225	↓ 7.41 %
W.P. Putrajaya	699	645	↓ 7.72 %
JUMLAH	5,486	5,686	↑ 3.65 %

KAD PENGENALAN

PERMOHONAN KAD PENGENALAN MENGIKUT KETURUNAN



Melayu

2015	2016
1,971,337	1,728,524
	↓ 12.32 %



Cina

2015	2016
938,446	764,856
	↓ 18.50 %



India

2015	2016
288,651	264,456
	↓ 8.38 %



Lain-lain

2015	2016
494,475	451,293
	↓ 8.73 %

PERMOHONAN KAD PENGENALAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	2015	2016	%
Johor	494,823	390,517	↓ 21.08 %
Kedah	253,903	238,618	↓ 6.02 %
Kelantan	204,605	168,475	↓ 17.66 %
Melaka	135,328	120,293	↓ 11.11 %
Negeri Sembilan	130,545	111,761	↓ 14.39 %
Pahang	177,175	159,031	↓ 10.24 %
Pulau Pinang	208,743	173,060	↓ 17.09 %
Perak	316,938	272,375	↓ 14.06 %
Perlis	33,171	29,530	↓ 10.98 %
Selangor	471,507	410,320	↓ 12.98 %
Terengganu	136,358	120,266	↓ 11.80 %
Sabah	272,700	235,767	↓ 13.54 %
Sarawak	334,506	301,435	↓ 9.89 %
W.P. Kuala Lumpur	364,450	330,159	↓ 9.41 %
W.P. Labuan	9,653	10,937	↑ 13.30 %
W.P. Putrajaya	148,504	135,585	↓ 8.70 %
JUMLAH	3,694,924	3,210,145	↓ 13.12 %

PERMOHONAN KAD PENGENALAN MENGIKUT JENIS KAD

	Biru (Termasuk Polis)	2015	2016
		3,616,350	3,160,570
			↓ 12.60 %
	Merah	2015	2016
		25,433	25,735
			↑ 1.19 %
	Hijau	2015	2016
		4,272	2,806
			↓ 34.32 %
	Lain-Lain (MyTentera)	2015	2016
		46,854	19,018
			↓ 59.41 %

PERKAHWINAN & PERCERAIAN

BILANGAN AKTIVITI PENDAFTARAN PERKAHWINAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	2015	2016	%
Johor	8,603	7,949	↓ 7.60 %
Kedah	2,180	2,061	↓ 5.46 %
Kelantan	326	305	↓ 6.44 %
Melaka	1,745	1,479	↓ 15.24 %
Negeri Sembilan	2,203	1,968	↓ 10.67 %
Pahang	1,297	1,199	↓ 7.56 %
Pulau Pinang	4,104	4,238	↑ 3.26 %
Perak	5,040	4,888	↓ 3.02 %
Perlis	128	107	↓ 16.41 %
Selangor	7,235	6,762	↓ 6.54 %
Terengganu	117	90	↓ 23.08 %
Sabah	3,639	3,420	↓ 6.02 %
Sarawak	8,245	7,838	↓ 4.94 %
W.P. Kuala Lumpur	7,401	8,103	↑ 9.48 %
W.P. Labuan	63	66	↑ 4.76 %
W.P. Putrajaya	2,796	2,603	↓ 6.90 %
Luar Negara	13,192	9,719	↓ 26.33 %
JUMLAH	68,314	62,795	↓ 8.08 %

* Statistik merujuk kepada tarikh pendaftaran perkahwinan

PENDAFTARAN PERKAHWINAN PADA HARI ISTIMEWA

TARIKH ISTIMEWA	JUMLAH
14 Februari 2016	763
6 Jun 2016	404
16 Jun 2016	343

BILANGAN AKTIVITI PENDAFTARAN PERKAHWINAN MENGIKUT STATUS KEWARGANEGARAAN

Warganegara & Warganegara



2015	2016	%
50,558	49,598	↓ 1.90 %

Warganegara & Bukan Warganegara Perempuan (Warga Asing) & Lelaki (Warganegara)



2015	2016	%
6,178	5,726	↓ 7.32 %

Warganegara & Bukan Warganegara Lelaki (Warga Asing) & Perempuan (Warganegara)



2015	2016	%
1,567	1,501	↓ 4.21 %

Warganegara Asing & Warganegara Asing



2015	2016	%
113	94	↓ 16.81 %

**BILANGAN AKTIVITI PENDAFTARAN PERCERAIAN
PERKAHWINAN MENGIKUT NEGERI**

NEGERI	2015	2016	%
Johor	2,089	2,335	↑ 11.78 %
Kedah	323	362	↑ 12.07 %
Kelantan	50	64	↑ 28.00 %
Melaka	413	405	↓ 1.94 %
Negeri Sembilan	542	560	↑ 3.32 %
Pahang	266	330	↑ 24.06 %
Pulau Pinang	1,578	1,269	↓ 19.58 %
Perak	1,151	1,247	↑ 8.34 %
Perlis	38	35	↓ 7.90 %
Selangor	1,524	1,573	↑ 3.21 %
Terengganu	15	17	↑ 13.33 %
Sabah	374	368	↓ 1.60 %
Sarawak	1,294	1,187	↓ 8.27 %
W.P. Kuala Lumpur	2,343	2,147	↓ 8.36 %
W.P. Labuan	0	0	0
W.P. Putrajaya	0	0	0
Luar Negara	85	69	↓ 18.82 %
JUMLAH	12,085	11,968	↓ 0.97 %

**BILANGAN AKTIVITI PENDAFTARAN PEMBATALAN
PERKAHWINAN MENGIKUT NEGERI**

NEGERI	2015	2016	%
Johor	28	22	↓ 21.43 %
Kedah	1	0	↓ 100 %
Kelantan	1	0	↓ 100 %
Melaka	4	4	0.00 %
Negeri Sembilan	1	2	↑ 100 %
Pahang	1	0	↓ 100 %
Pulau Pinang	2	5	↑ 150 %
Perak	8	3	↓ 62.50 %
Perlis	0	0	0
Selangor	8	11	↑ 37.50 %
Terengganu	0	0	0
Sabah	2	2	0.00 %
Sarawak	11	4	↓ 63.64 %
W.P. Kuala Lumpur	46	34	↓ 26.01 %
W.P. Labuan	0	0	0
W.P. Putrajaya	0	0	0
Luar Negara	514	531	↑ 3.31 %
JUMLAH	627	618	↓ 1.43 %

PERMOHONAN UNTUK MERUJUK KEPADA TRIBUNAL PERKAHWINAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	2015	2016	%
Johor	1067	962	↓ 26.01 %
Kedah	336	364	↑ 8.33 %
Kelantan	53	45	↓ 15.10 %
Melaka	254	232	↓ 8.66 %
Negeri Sembilan	319	319	0.00 %
Pahang	241	232	↓ 3.73 %
Pulau Pinang	684	687	↑ 0.44 %
Perak	843	771	↓ 8.54 %

NEGERI	2015	2016	%
Perlis	35	42	↑ 20.0 %
Selangor	1391	1336	↓ 3.95 %
Terengganu	13	9	↓ 30.77 %
Sabah	171	144	↓ 15.79 %
Sarawak	945	881	↓ 6.77 %
W.P. Kuala Lumpur	497	534	↑ 7.44 %
W.P. Labuan	10	6	↓ 40.0 %
W.P. Putrajaya	60	41	↓ 31.67 %
JUMLAH	6,919	6,605	↓ 4.54 %

KEWARGANEGARAAN

STATISTIK PERMOHONAN WARGANEGARA DAN PENGESAHAN TARAF WARGANEGARA MENGIKUT PERKARA

PERKARA	2015	2016	%
15(1)	2,983	3,089	↑ 3.55 %
15(2)	1,573	1,832	↑ 16.46 %
15A	5,855	7,093	↑ 21.14 %
16	350	391	↑ 11.71 %
19(1)(A)(1) - Tiba Sebelum Merdeka	239	274	↑ 14.64 %
19(1)(A)(1) - Tiba Selepas Merdeka	3,023	3,697	↑ 22.30 %
19(1)(2) - Tiba Sebelum Merdeka	3	7	↑ 133.33 %
19(1)(2) - Tiba Selepas Merdeka	15	56	↑ 273.33 %
Pengesahan Taraf Warganegara	2,865	2,895	↑ 1.05 %
JUMLAH	16,906	19,334	↑ 14.36 %

URUSNIAGA UTAMA



URUSNIAGA UTAMA >>

KELAHIRAN, KEMATIAN & ANAK
ANGKAT

KELAHIRAN, KEMATIAN & ANAK ANGKAT

AKTA PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN (PINDAAN) 2017 (AKTA A1524)



PINDAAN

TEMPOH PENDAFTARAN
KELAHIRAN

60 HARI

42 HARI

SEBELUM

TEMPOH PENDAFTARAN
KEMATIAN

7 HARI

24 JAM

KADAR PENALTI

RM **20,000**

RM **2,000**

SEBELUM

PENJARA

3 TAHUN

12 BULAN

JPN telah membentangkan mengenai Pindaan Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi perbahasan di Parlimen pada 23 November 2016 di Dewan Rakyat dan pembentangan di Dewan Negara pada 19 Disember 2016.

Rang Undang-undang tersebut diwartakan pada 26 Januari 2017 dan dikenali sebagai Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2017 (Akta A1524).



Akta tersebut antara lain memperuntukkan mengenai Pendaftaran Anggapan Kematian bagi mana-mana kematian yang mana mayat tidak dijumpai dan kematian atas kapal/pesawat yang berdaftar di negara Malaysia. Selain itu, tempoh pendaftaran kelahiran telah dipinda dari 42 hari kepada 60 hari dan pendaftaran kematian dari 24 jam kepada tujuh (7) hari.

Akta tersebut turut memperkasakan penguatkuasaan dan menaikkan kadar penalti dari RM 2,000 kepada RM20,000 dan tempoh penjara selama 12 bulan kepada tiga (3) tahun.



INTEGRASI SISTEM **PENDAFTARAN KEMATIAN** **BERSAMA POLIS DIRAJA** **MALAYSIA**

JPN turut merealisasikan transformasi perkhidmatan awam dengan mengadakan integrasi sistem pendaftaran kematian bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang dinamakan Sistem Pendaftaran Kematian secara *online* di Balai Polis di Semenanjung Malaysia. Melalui sistem ini, semua kematian yang dilaporkan di balai polis, maklumat dan data simati akan disahkan dan dihantar ke JPN melalui sistem PDRM.

Maklumat kematian tersebut akan diterima dan disahkan untuk didaftarkan di Ibu Pejabat JPN Putrajaya, manakala waris boleh mengeluarkan sijil kematian di mana-mana pejabat JPN di Semenanjung Malaysia. Projek rintis pelaksanaan integrasi sistem telah diadakan 28 September 2016 di empat (4) buah balai polis. Perasmian sistem integrasi kematian ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri semasa Hari Pendaftaran Negara pada 4 Oktober 2016.



URUSNIAGA UTAMA >>
KAD PENGENALAN

KAD PENGENALAN

JPN ZOOM

JPN ZOOM TELAH DILANCARKAN SEMASA SAMBUTAN
HARI PENDAFTARAN NEGARA PADA 1 OKTOBER 2013
DI IBU PEJABAT JPN PUTRAJAYA OLEH
MENTERI DALAM NEGERI



JPN Zoom merupakan satu inisiatif inovasi yang dilaksana bertujuan menyampaikan perkhidmatan yang memberikan impak yang besar kepada pelanggan. JPN Zoom memberi kemudahan dan keselesaan kepada pelanggan di mana pelanggan tidak perlu hadir ke kaunter JPN untuk mengambil MyKad siap sebaliknya boleh menggunakan perkhidmatan pandu lalu.

JPN Zoom telah mula beroperasi mulai 18 Mei 2015 setelah projek pembinaan disiapkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). JPN Zoom menawarkan perkhidmatan kutipan kad pengenalan bagi



permohonan melalui kaunter di JPN Putrajaya, permohonan melalui *Phone-In*, permohonan melalui MyKad Ganti di Portal JPN dan permohonan melalui MyEG.

1,443
TRANSAKSI JPN ZOOM

 **TULAR PROGRAM
PENUKARAN
KAD PENGENALAN/
CABUTAN DAFTAR KAD
PENGENALAN (JPN.KP12)**



Mulai 14 Julai 2016 sehingga 31 Ogos 2016, Bahagian Kad Pengenalan, Ibu Pejabat JPN Putrajaya telah diserbu oleh ribuan orang pemegang kad pengenalan bertaraf Pemastautin Tetap (MyPR) disebabkan penyebaran hebahan palsu mengenai program penukaran kad pengenalan merah kepada taraf warganegara Malaysia (MyKad).

Walaupun urusniaga JPN bermula pada jam 7.30 pagi, tetapi seawal jam 3 pagi pemegang- pemegang kad pengenalan merah ini telah tiba di perkarangan Ibu Pejabat JPN Putrajaya.

Hebahan palsu ini telah menimbulkan salah faham di kalangan pemegang kad pengenalan merah kerana beranggapan kerajaan Malaysia melalui JPN telah melancarkan suatu program penukaran taraf secara automatik. Pada hakikatnya, permohonan dokumen pengenalan diri merupakan perkhidmatan yang berterusan tanpa tarikh tutup boleh di buat di mana-mana pejabat JPN.



*Diterima sepanjang tempoh
hebahanan palsu tersebut*

PERKAHWINAN & PERCERAIAN



PENDAFTARAN PERKAHWINAN

JUMLAH KESELURUHAN PERMOHONAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN ADALAH 62,795 PASANGAN BAGI TAHUN 2016.

Pendaftaran perkahwinan merangkumi pendaftaran perkahwinan di Pejabat-pejabat JPN di seluruh negara, Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara dan di gereja/rumah berhala/persatuan oleh Penolong Pendaftar Perkahwinan (PPP) yang dilantik. Perkahwinan juga boleh diupacarakannya di luar pejabat dengan Pendaftar Perkahwinan daripada JPN hadir mengupacarakannya dengan kelulusan khas.





**PELANTIKAN PENOLONG
PENDAFTAR PERKAHWINAN**

Bagi membolehkan pasangan yang ingin berkahwin mendaftar perkahwinan mereka secara sivil dan secara adat/agama/kelaziman serentak, maka JPN telah melantik Penolong Pendaftar Perkahwinan (PPP) di Gereja/Rumah Berhala/Persatuan yang layak. Tujuannya bagi memberi pilihan kepada penganut/pengikut sama ada mendaftar perkahwinan mereka di JPN atau di Premis Penolong Pendaftar Perkahwinan. Sepanjang tahun 2016 seramai 442 orang Penolong Pendaftar Perkahwinan telah dilantik dan 26,302 pasangan yang telah didaftarkan oleh Penolong Pendaftar Perkahwinan di seluruh negara.



26,302 PASANGAN
DIDAFTARKAN DI SELURUH NEGARA





PELANTIKAN AHLI TRIBUNAL DAN TRIBUNAL PERKAHWINAN



6,509 PERMOHONAN
TRIBUNAL PERKAHWINAN



Tribunal Perkahwinan bertanggungjawab sebagai badan pendamai bagi mendengar dan menyelesaikan kesulitan hal ehwal perkahwinan pasangan yang merujuk sebelum mengemukakan petisyen untuk perceraian. Badan ini dianggotai oleh tiga (3) hingga lima (5) orang panel yang dilantik oleh Menteri Dalam Negeri.

Sepanjang tahun 2016, seramai 654 orang Ahli Tribunal Perkahwinan telah dilantik dan aktif di seluruh negara, mereka terdiri daripada kakitangan JPN, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan orang perseorangan. Ahli yang dilantik diberi Kursus Asas Kaunseling dan Tribunal Perkahwinan bagi membantu mereka dalam menjalankan tugas sebagai Ahli Tribunal Perkahwinan.



PENGEMASKINIAN REKOD PERCERAIAN/PEMBATALAN PERKAHWINAN

Pengemaskinian rekod perkahwinan mengenai perceraian/ pembatalan perkahwinan hanya dilakukan di Bahagian Perkahwinan dan Perceraian (BKC), Ibu Pejabat JPN Putrajaya sahaja. Sepanjang tahun 2016 sebanyak 12,586 rekod perceraian telah dikemaskini.

KEWARGANEGARAAN



PENAMATAN KEWARGANEGARAAN MALAYSIA



Penamatan kewarganegaraan Malaysia diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, di mana kewarganegaraan Malaysia hanya boleh ditamatkan melalui dua cara iaitu melalui pelepasan (Perkara 23) dan pelucutan (Perkara 24, 25 dan 26).

Pelepasan kewarganegaraan Malaysia merupakan satu permohonan secara sukarela oleh seseorang warganegara Malaysia. Perkara 23 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa:

“(1) MANA-MANA WARGANEGARA YANG BERUMUR DUA PULUH SATU TAHUN ATAU LEBIH DAN YANG SEMPURNA AKAL YANG JUGA IALAH SEORANG WARGANEGARA NEGARA LAIN ATAU YANG HAMPIR MENJADI SEORANG WARGANEGARA NEGARA LAIN BOLEH MELEPASKAN KEWARGANEGARAANNYA BAGI PERSEKUTUAN MELALUI AKUAN YANG DIDAFTARKAN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN, DAN HENDAKLAH SESUDAH ITU TERHENTI MENJADI WARGANEGARA.”

Mereka yang mendapat taraf kewarganegaraan negara asing dan berumur 21 tahun dan ke atas dikehendaki mengemukakan bukti bahawa mereka telah memperoleh taraf kewarganegaraan negara asing ketika mengemukakan permohonan pelepasan kewarganegaraan di bawah Perkara 23 Perlembagaan Persekutuan. Permohonan boleh dibuat di mana-mana Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara atau di mana-mana kaunter JPN di seluruh negara.



 **PELUCUTAN
KEWARGANEGARAAN**

Pelucutan kewarganegaraan Malaysia merupakan tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Persekutuan terhadap seseorang warganegara Malaysia yang telah melakukan kesalahan yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Secara ringkasnya, kesalahan-kesalahan tersebut adalah seperti berikut:



Memperoleh kewarganegaraan negara lain, menuntut dan menggunakan dengan sukarela hak yang diberikan secara khusus kepada warganegara negara lain (seperti penggunaan hak undi, memohon atau menggunakan pasport yang dikeluarkan

oleh pihak berkuasa negara lain). - Terpakai bagi melucutkan kewarganegaraan seorang yang menjadi warganegara Malaysia melalui kuat kuasa undang-undang, pendaftaran dan penaturalisasian



Tidak taat dan tidak setia kepada Persekutuan, berdagang dengan atau menghubungi/melibatkan diri/bersekutu dengan musuh Persekutuan dalam peperangan, dihukum dengan pemenjaraan di mana-mana negara selama tempoh tidak kurang daripada dua belas bulan atau denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit atau yang senilai dengannya dalam mata wang negara itu dan tidak mendapat pengampunan bebas (dalam tempoh 5 tahun mulai dari tarikh memperoleh kewarganegaraan Malaysia),

menerima/berkhidmat/melaksanakan tugas apa-apa jawatan di bawah Kerajaan negara lain (tanpa kelulusan Kerajaan Persekutuan), bermastautin di negara di luar Persekutuan bagi tempoh terus-menerus selama lima tahun tanpa mendaftar niat hendak mengekalkan kewarganegaraan tiap-tiap tahun di pejabat perwakilan Malaysia. - Terpakai bagi melucutkan kewarganegaraan seorang yang menjadi warganegara Malaysia melalui pendaftaran (Perkara 16A atau 17) dan penaturalisasian.



Memperoleh kewarganegaraan dengan cara palsu, kenyataan palsu atau penyembunyian apa-apa fakta material, atau diperoleh/diberikan dengan silap, pembubaran perkahwinan wanita yang memperoleh kewarganegaraan melalui pendaftaran di

bawah Perkara 15(1) (melainkan disebabkan oleh kematian) dalam tempoh dua tahun mulai dari tarikh perkahwinan itu. - Terpakai bagi melucutkan kewarganegaraan seorang yang menjadi warganegara Malaysia melalui pendaftaran dan penaturalisasian.

Pelucutan kewarganegaraan Malaysia melalui proses yang terperinci memandangkan ia merupakan suatu tindakan serius yang memberi impak besar kepada individu kerana secara rasminya terhenti menjadi warganegara Malaysia.

URUSNIAGA UTAMA >>

SIASATAN & PENGUATKUASAAN

SIASATAN & PENGUATKUASAAN



PENGURUSAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG



76 (19.89%)

OPS ID - TERANCANG

37 (9.69%)

OPS ID - PENGAWAL KESELAMATAN

15 (3.93%)

OPS BERSEPADU KDN

254 (66.49%)

OPS BERSEPADU ANJURAN AGENSI LAIN

178 (60.34%)

OPS ID - TERANCANG

19 (6.44%)

OPS ID - PENGAWAL KESELAMATAN

22 (7.46%)

OPS BERSEPADU ANJURAN AGENSI LAIN

76 (25.76%)

KES FAIL SIASATAN


Penguatkuasaan Akta dan Peraturan di bawah bidang kuasa JPN giat dilaksanakan bagi mengekang dan memastikan aktiviti penyalahgunaan dokumen pengenalan diri serta sindiket pemalsuan dokumen pengenalan diri dapat dikekang. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 382 operasi penguatkuasaan dilaksanakan dan 295 individu telah ditangkap dan didakwa atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78 dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 Pindaan 2007) seperti memiliki kad pengenalan milik individu lain, mengemukakan kenyataan palsu dan sebagainya.

Penguatkuasaan yang aktif ini menonjolkan imej Jabatan sebagai sebuah agensi keselamatan yang peka terhadap salah laku yang dilaksanakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.





Kes Siasatan Yang Ditutup - Penutupan fail kes telah dilakukan



1,701 (42.40%)	W.P. PUTRAJAYA	47 (1.17%)	PERAK
206 (5.13%)	JOHOR	8 (0.20%)	PERLIS
43 (1.07%)	KEDAH	206 (5.13%)	SELANGOR
60 (1.50%)	KELANTAN	12 (0.30%)	TERENGGANU
23 (0.57%)	MELAKA	505 (12.59%)	SABAH
120 (2.99%)	NEGERI SEMBILAN	193 (4.81%)	SARAWAK
47 (1.17%)	PAHANG	785 (19.57%)	W.P. KUALA LUMPUR
50 (1.25%)	PULAU PINANG	6 (0.15%)	W.P. LABUAN

PAMERAN

JPN turut memainkan peranan dalam mendidik orang ramai mengenai kepentingan menjaga dokumen pengenalan diri agar tidak disalahguna oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. BSK sering terlibat dengan pameran-pameran di seluruh negara bagi menyebarkan maklumat mengenai kepentingan menjaga keselamatan dokumen JPN.



KHIDMAT SOKONGAN



KHIDMAT SOKONGAN >>

KHIDMAT PENGURUSAN &
SUMBER MANUSIA

KHIDMAT PENGURUSAN & SUMBER MANUSIA

PERJAWATAN & STRUKTUR ORGANISASI JPN

Struktur fungsi dan perjawatan merupakan elemen penting dalam mempertingkatkan kapasiti dan kebolehpayaan sesebuah organisasi. Sehubungan itu, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (BPM) berperanan membantu Jabatan agar sentiasa peka kepada perubahan dasar, persekitaran dalaman dan luaran bagi memastikan ianya mempunyai struktur organisasi yang fleksibel dan bersesuaian untuk menjalankan peranannya secara berkesan.

Sehubungan itu, BPM bertanggungjawab memastikan Jabatan mempunyai struktur organisasi yang sesuai, terancang dan tersusun serta mempunyai jawatan yang optimum untuk membolehkannya menjadi sebuah organisasi yang cekap dan berkesan dengan mengambilkira keperluan perjawatan terkini dan masa depan.



LANDASAN KERJAYA, KENAIKAN PANGKAT & PENEMPATAN DAN PERTUKARAN

Pengurusan kenaikan pangkat dan pemangkuan melibatkan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana dijalankan mengikut Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 2010 yang diperuntukkan di bawah PU (A)75/2010 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010. Bagi tahun 2016, Lembaga Kenaikan Pangkat JPN telah mengadakan mesyuarat pemangkuan dan kenaikan pangkat sebanyak enam (6) kali melibatkan seramai 313 pegawai telah diperakukan.

Pada tahun 2016, secara keseluruhannya seramai 521 pegawai dan kakitangan telah terlibat dalam penempatan dan pertukaran di Jabatan ini. Daripada jumlah ini, seramai 35 pegawai adalah terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 486 pegawai daripada Kumpulan Pelaksana. Penempatan dan pertukaran telah diuruskan selaras dengan penurunan kuasa yang diberi berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2007, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) serta mengikut Arahan Jabatan Bilangan 4 Tahun 2014.



SISTEM KEDATANGAN (SISTEM MYKEDATANGAN)

Sistem kedatangan berkomputer telah dilaksanakan di Ibu Pejabat JPN Putrajaya bermula tahun 2004 berasaskan *PC terminal* dan berkonsepkan *client-server*. Pada tahun 2013, pihak Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTM) secara *in-house* telah memulakan perancangan dan pembangunan sistem berasaskan *web* dengan merangka modul-modul dan fungsi sistem berasaskan keperluan pentadbiran dan dikenali sebagai Sistem MyKedatangan.

Sistem MyKedatangan ini telah diberi pengiktirafan sebagai Johan Pertandingan Anugerah Inovasi JPN 2016. Sistem ini merangkumi elemen-elemen inovasi/kreativiti, keberkesanan, signifikan dan relevan yang memberi impak inovasi kepada tadbir urus Jabatan.



TADBIR URUS >>

KEWANGAN & PEMBANGUNAN

KEWANGAN & PEMBANGUNAN



PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN

Sehingga 31 Disember 2016, bagi prestasi keseluruhan Perbelanjaan Mengurus JPN, sejumlah RM477,163,422 (98.94%) telah dibelanjakan berbanding peruntukan sebanyak RM 482,299,580.00 yang diterima JPN. Baki keseluruhan peruntukan berjumlah RM 5,136,158 (1.06%).

Manakala bagi prestasi Perbelanjaan Pembangunan, sejumlah RM20,588,208.99 (95.31%) telah dibelanjakan berbanding peruntukan keseluruhan yang telah diterima JPN iaitu RM21,602,000.00. Baki keseluruhan peruntukan berjumlah RM 1,013,791.01 (4.69%).



RM482,299,580.00

PERUNTUKAN DITERIMA

RM477,163,422.00 (98.94%)

PERBELANJAAN SEBENAR

RM5,136,158.00 (1.06%)

BAKI PERUNTUKAN



RM21,602,000.00

PERUNTUKAN DITERIMA

RM20,588,208.99 (95.31%)

PERBELANJAAN SEBENAR

RM1,013,791.01 (4.69%)

BAKI PERUNTUKAN



PELUASAN SISTEM PENGURUSAN KONTRAK KE JPN SABAH DAN SARAWAK

Sistem Pengurusan Kontrak (SPK) merupakan penambahbaikan kepada Sistem Pengurusan Prestasi (SPP) yang telah dibangunkan secara dalaman oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTM) JPN pada tahun 2013. SPP telah digunakan oleh semua Pejabat JPN berstatus Pusat Tanggungjawab (PTJ) sejak tahun 2013 di mana ia bertujuan untuk merekodkan dan memantau pengurusan kontrak-kontrak Jabatan meliputi kontrak sewaan pejabat dan kontrak

perkhidmatan lain. Tujuan sistem ini ialah agar status kontrak-kontrak sewaan dan perkhidmatan sedia ada dapat dipantau dari segi tarikh penamatannya supaya Jabatan boleh membuat persediaan dokumentasi untuk pelanjutan kontrak yang baru.

Sistem ini pada awalnya digunakan oleh Pejabat JPN Negeri di Semenanjung Malaysia sebagai projek rintis dan diperluaskan ke Pejabat JPN Negeri Sabah dan Sarawak pada April 2016.



PROJEK JPN PERAK TENGAH

Projek pembinaan pejabat JPN Daerah Perak Tengah telah dimulakan pada 27 Mac 2014. Projek ini telah siap sepenuhnya dan telah memperolehi Sijil Perakuan Siap atau *Certificate of Practical Completion* (CPC) dari JKR pada 14 Oktober 2016. Majlis Pra-Penyerahan melibatkan JKR Perak dan JPN Negeri Perak telah diadakan pada 8 November 2016 manakala Majlis Penyerahan Projek JPN Perak Tengah telah diadakan pada 14 Disember 2016 bertempat di Pejabat JPN Perak Tengah. Pejabat JPN Perak Tengah dijangka beroperasi sepenuhnya di bangunan pejabat baru tersebut pada bulan Mac 2017.



TADBIR URUS >>

PENGURUSAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT & KOMUNIKASI

PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

PERKONGSIAN MAKLUMAT DENGAN AGENSI LUAR

JPN TELAH MENGADAKAN INISIATIF PERKONGSIAN MAKLUMAT BAGI TUJUAN MEMBANTU AGENSI KERAJAAN DAN BADAN BERKANUN DALAM PENGURUSAN PENGESAHAN DAN KESAHIHAN REKOD INDIVIDU.

Perkongsian Maklumat JPN Dengan Agensi Luar Secara Luar Talian (*Offline*)



104,895,033 REKOD

 **PENGESAHAN DATA**
9,778,491 REKOD

 **CABUTAN DATA**
95,116,542 REKOD





Perkongsian Maklumat JPN Dengan Agensi Luar Secara Dalam Talian (Online)

a. Perkhidmatan Pengesahan Maklumat Melalui Agency Link Up System (ALIS)

ALIS menyediakan perkhidmatan semakan dan pengesahan maklumat individu secara dalam talian. Penggunaan adalah terhad kepada Agensi Kerajaan Dan Badan Berkanun. Sebanyak 1,582,804 transaksi telah diakses secara kelompok dan interaktif bagi tahun 2016 seperti rajah di bawah.

Penggunaan ALIS Bagi Tahun 2016



4,148 (0.26%)	AMANAH RAYA BERHAD
41,195 (2.60%)	AMANAH SAHAM NASIONAL BHD.
13,684 (0.86%)	BANK KERJASAMA RAKYAT
727,238 (45.95%)	BANK NEGARA
739,044 (46.69%)	KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
190 (0.01%)	LEMBAGA TABUNG HAJI
51,254 (3.24%)	MAJLIS AMANAH RAKYAT
1,036 (0.065%)	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
10 (0.0006%)	YAYASAN TERENGGANU
5,005 (0.32%)	LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA


b. Penggunaan dan Perluasan myIDENTITY

Penggunaan myIDENTITY terhad kepada Agensi Kerajaan. Perkhidmatan yang disediakan adalah:

- ▶ Semakan dan pengesahan maklumat pelanggan dalam talian secara terus
- ▶ Penggunaan maklumat myIDENTITY dalam perkhidmatan agensi Kerajaan tanpa mendapatkan maklumat asas daripada pelanggan.
- ▶ Pengemaskinian dan perkongsian maklumat perhubungan pelanggan dengan agensi lain.

Sepanjang tahun 2016, tambahan peluasan ke sembilan (9) buah agensi menjadikan sebanyak 55 agensi kerajaan yang menggunakan myIDENTITY dengan jumlah sebanyak 59,636,685 transaksi direkodkan.

myIDENTITY turut menyediakan perkhidmatan kepada orang awam untuk mendaftar sebagai pengguna dalam talian myIDENTITY (www.myidentity.gov.my) bagi membolehkan individu membuat semakan maklumat individu dan mengemaskini maklumat perhubungan sendiri secara dalam talian. Bagi tahun 2016, sebanyak 3,858 pengguna dalam talian myIDENTITY dengan jumlah penggunaan sebanyak 1,861 seperti ditunjukkan dalam statistik di bawah.



PEMBANGUNAN SISTEM BARU SECARA DALAMAN

Sebanyak lima (5) sistem telah dibangunkan secara dalaman sepanjang tahun 2016. Sistem yang telah siap dibangunkan adalah seperti berikut:

1. Sistem BSK Fasa 1

Membolehkan BSK merekodkan operasi ID, operasi bersepadu & siasatan serta merekodkan maklumat tangkapan dan pendakwaan bagi setiap aktiviti yang dijalankan serta menjana laporan yang diperlukan.



2. Sistem Pengesahan Data Integrasi Kematian (SPDIM)

SPDIM merupakan satu sistem berasaskan web bagi urusniaga pendaftaran kematian data integrasi yang diterima daripada PDRM secara atas talian. Borang JPN. LMOz juga diterima secara atas talian.



Semakan dan pengesahan data kematian ini dilaksanakan oleh pegawai di Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat (BKA), Ibu Pejabat Putrajaya. Rekod individu tersebut akan dikemaskini sebagai status Meninggal Dunia dalam pangkalan data JPN. Nombor sijil mati dijana melalui SPDIM bagi tujuan kawalan dokumen dan dapat mengelakkan penyalahgunaan borang bersiri.

3. Sistem Pengurusan Latihan (MyTIMS)

MyTIMS adalah satu sistem pengurusan Latihan/Kursus berorientasikan web. Sistem ini dapat memberikan kemudahan kepada warga JPN untuk membuat permohonan secara atas talian bagi menghadiri latihan/kursus yang dianjurkan oleh JPN. Sistem telah mula digunakan di JPN Ibu Pejabat pada bulan Mei 2016.



4. Sistem Daftar Pelanggan JPN (CIMS)

Merupakan sistem yang dibangunkan atas arahan KPPN bagi merekodkan maklumat pelanggan yang hadir berurusan di JPN. Sistem ini mula digunakan pada 18 November 2016 di BWN, Putrajaya. Sehingga kini jumlah maklumat yang telah direkodkan adalah 643 individu.



5. Sistem Semakan Integrasi Kementerian Kesihatan Malaysia (SKIM)

Sistem ini merupakan sistem sokongan kepada urusniaga daftar lewat kelahiran. Sistem ini dapat membantu pengguna untuk menyemak rekod kelahiran kanak-kanak berusia 1 tahun dan ke bawah yang dilahirkan di hospital kerajaan dan diterima melalui Projek Integrasi Data Kelahiran JPN-KKM.





PELAKSANAAN PELUASAN SISTEM

1. Sistem Edaran Sijil

Aplikasi ini mendaftarkan penerimaan sijil-sijil yang diterima dari Percetakan Keselamatan oleh Unit Stor Pusat. Aplikasi ini juga mengendalikan proses permohonan sijil-sijil dari stor negeri/bahagian/cawangan JPN secara atas talian dan boleh memantau jumlah sijil di dalam simpanan stor masing-masing secara berpusat. Sijil-sijil yang terlibat adalah Sijil Kelahiran, Sijil Kematian, Sijil Anak Angkat, Sijil Warganegara dan Sijil Perkahwinan.

Peluasan eSIJIL ke tiga (3) buah negeri/cawangan iaitu:

- JPN Pulau Pinang/Cawangan
- JPN Melaka/Cawangan
- JPN WP Kuala Lumpur/Cawangan.

2. Sistem CUID

Sistem CUID versi 3 melibatkan penambahbaikan ke atas proses pengurusan ID dan kawalan capaian bagi Sistem CUID, Sistem IJPN dan Sistem Pertanyaan serta permohonan secara borang manual kepada online.

Pelaksanaan CUID versi 3:

- Semenanjung: 3 Feb hingga 30 Mac 2016
- Sabah, Labuan, Sarawak: 22 April hingga 20 Mei 2016



3. Sistem MyKedatangan v2

Aplikasi ini merekod dan memantau kehadiran pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat JPN Putrajaya dengan menggunakan MyKad atau cap jari sebagai medium akses bagi merakam kehadiran.

Perlaksanaan penggunaan sistem:

- Pengurusan Tertinggi, Bahagian Perkahwinan Dan Perceraian (BKC), Bahagian Kewangan dan Pembangunan (BKW) & Bahagian Kelahiran, Kematian Dan Anak Angkat (BKA): Februari 2016
- Bahagian Kad Pengenalan (BKP), Bahagian Kewarganegaraan (BWN) & Bahagian Siasatan Dan Penguatkuasaan (BSK): April 2016



PROJEK ICT 2016

1. Projek Pembangunan ICT

a. Projek Datawarehouse

Projek ini melibatkan pembangunan repositori maklumat yang mengumpulkan data dari sumber data utama JPN yang menyasarkan penghasilan data/statistik yang lebih konsisten dan tepat. 14 modul statistik utama telah *go-live* dari sistem JPNDW pada 14 November 2016 yang meliputi Kad Pengenalan, Kelahiran, MyKid, Kematian, Anak Angkat, Warganegara, Perkahwinan dan Perceraian, Kutipan Hasil, Perkongsian Maklumat, e-Mobile, *Centralized User ID (CUID)*, *Government Service Center Backoffice (GSCB)*, Transaksi Kaunter dan myIDENTITY.



b. Projek Green Data Centre (GDC)

Aktiviti-aktiviti pengubahsuaian dan penambahbaikan pusat data lama telah bermula pada Julai 2016. Projek GDC kini telah melalui Fasa II dan telah mencapai kemajuan pembangunan sebanyak 60% dan dijangka selesai pada bulan Jun 2017. Sistem ICT JPN bakal beroperasi sepenuhnya dari GDC ini bermula Julai 2017.



c. **Projek Pengukuhan Keselamatan Infrastruktur Rangkaian LAN**

Bagi tahun 2016, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTM) telah melaksanakan aktiviti rangkaian yang melibatkan pengkabelan *Local Area Network* (LAN), penggantian peralatan rangkaian, pemasangan peralatan keselamatan rangkaian serta penstrukturan semula rangkaian LAN di Ibu Pejabat JPN serta cawangan. Projek ini adalah bertujuan untuk menambahbaik infrastruktur rangkaian LAN serta meningkatkan tahap keselamatan rangkaian JPN. Aktiviti ini melibatkan 150 cawangan JPN dan dilaksanakan secara berfasa. Bagi Fasa 1 (tahun 2016) telah berjaya dilaksanakan pengkabelan LAN di lapan (8) cawangan dan pemasangan peralatan rangkaian serta penstrukturan segmen IP di 32 cawangan JPN.



d. **Projek Naiktaraf Perkakasan Sistem Cawangan**

Dalam usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan, usaha menambahbaik perkhidmatan JPN terutamanya di peringkat kaunter telah diberi penekanan. Dengan demikian sistem urusniaga dan perkakasan ICT juga haruslah sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Pelaksanaan menaiktaraf perkakasan sistem cawangan dilaksanakan bagi memenuhi keperluan semasa. Ia telah mula dilaksanakan secara berperingkat sejak tahun 2013. Pada penghujung tahun 2015, penggantian *server* cawangan di 87 buah cawangan Semenanjung termasuk JPN Ibu Negeri telah bermula dari 13 September sehingga 6 November 2015. Aktiviti penggantian *server* cawangan diteruskan di 68 buah cawangan Sabah dan Sarawak bermula 21 Februari sehingga 29 April 2016. Sehingga kini, semua cawangan di Semenanjung telah selesai dinaiktaraf sepenuhnya dan beroperasi menggunakan sistem pengoperasian yang terkini.



2. Projek Penyelenggaraan ICT

Sebanyak lapan (8) projek penyelenggaraan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016 yang meliputi:

i. Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Bisnes Utama

Penyelenggaraan pencegahan, pembaikan dan khidmat sokongan sistem hos, peralatan dan perisian *Local Area Network* (LAN) dan rangkaian kerangka utama, Sistem Aplikasi, Kemudahan Pemulihan Bencana dan Keselamatan ICT. Aktiviti dilaksanakan setiap bulan.



ii. Perkhidmatan Penyelenggaraan Peralatan dan Perisian Sistem Cawangan JPN

Penyelenggaraan pencegahan, pembaikan dan khidmat sokongan teknikal bagi peralatan/perisian Sistem Cawangan, Sistem Automasi Pejabat, eSPKB/ePerolehan, Sistem Pengurusan Aset dan Audit Keselamatan. Aktiviti penyelenggaraan telah dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali sepanjang tahun 2016.



iii. Perkhidmatan Penyelenggaraan Infrastruktur Cawangan JPN

Penyelenggaraan sistem QMS/ICMS, *Genset*, Penyaman Udara (*Bilik Server*), UPS (*Bilik Server*) dan Elektrikal (*Bilik server* dan kaunter). Aktiviti penyelenggaraan telah dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali sepanjang tahun 2016.

iv. Sistem Sokongan Pusat Data

Penyelenggaraan peralatan/perisian infrastruktur Pusat Data (*Data Centre*), Sistem *Helpdesk*, sokongan teknikal, pembersihan Pusat Data/*Perso* Kerja-kerja penyelenggaraan pembaikan telah dilaksanakan mengikut log masalah yang diterima.

v. Sistem ICT Pusat Pengurusan Rekod

Peralihan dokumen fizikal, penyelenggaraan perkakasan, penyelenggaraan perisian, sokongan teknikal. Mesyuarat *Kick-Off* telah diadakan pada 18 Januari 2017. Kerja-kerja penyelenggaraan telah dimulakan oleh kontraktor.

vi. Sistem Biometrik AFIS

Penyelenggaraan perkakasan dan perisian, sokongan teknikal, Aktiviti penyelenggaraan telah dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali sepanjang tahun 2016 serta setiap bulan bagi aplikasi dan perisian.

vii. Penyelenggaraan Sistem Akses Pintu (BDAS) dan Sistem Boomgate MyKad/Boomgate RFID

Penyelenggaraan perkakasan dan perisian serta sokongan teknikal. Kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan mengikut jadual.

viii. Penyelenggaraan Sistem CCTV

Penyelenggaraan perkakasan dan perisian serta sokongan teknikal. Kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan mengikut jadual. Aktiviti *healthcheck* bagi peralatan CCTV dilaksanakan setiap bulan.



PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Selain perkhidmatan kaunter, JPN juga menyediakan saluran perkhidmatan dalam atas sebagai alternatif kepada pelanggan yang ingin berurusan.

STATISTIK TRANSAKSI PERKHIDMATAN DALAM TALIAN JPN

Perkhidmatan	2015	2016	%
Sistem Semakan Status Permohonan MyKad Melalui Portal	204,481	178,557	↓ 12.68 %
Sistem Semakan Status Permohonan MyPR Melalui Portal	15,061	13,981	↓ 7.17 %
Sistem Semakan Status Permohonan MyKAS Melalui Portal	3,463	12,619	↑ 264.40 %
Sistem Semakan Status Permohonan MyKid Melalui Portal	55,387	29,089	↓ 47.48 %
e-Pertanyaan/e-Cadangan/e-Aduan (SISPAA)	1,092	1,799	↑ 64.74 %
Sistem Maklumbalas Kepuasan Pelanggan (Pengurusan Aduan)	219	433	↑ 97.72 %
Permohonan Gantian MyKad	5,319	3,564	↓ 32.99 %
Permohonan Gantan MyKad (MyEG)	3,852	3,776	↓ 1.97 %
Maklumbalas Portal	88	51	↓ 42.04 %
e-Penghargaan	11	0	↓ 100 %
Carian Tarikh Perkahwinan Bukan Islam Di JPN	504	1,202	↑ 138.49 %
Sistem Permohonan Salinan Perakuan Tribunal (e-Tribunal)	6	0	↓ 100 %
Bank Inovasi	6	0	↓ 100 %
Single Sign-On	12,038	9,554	↓ 20.63 %
JUMLAH	301,527	254,700	

TADBIR URUS >>

KAD PINTAR PELBAGAIGUNA
KERAJAAN

KAD PINTAR PELBAGAIGUNA KERAJAAN



PERLUASAN PERCETAKAN TERAGIH MYKAD FASA 3

SEHINGGA 31 DISEMBER 2016, JUMLAH KESELURUHAN
PUSAT PERCETAKAN TERAGIH ADALAH SEBANYAK
56 BUAH CAWANGAN TERMASUK IBU PEJABAT
PUTRAJAYA

Kemudahan Percetakan Teragih MyKad telah diperluaskan ke empat (4) Pejabat JPN pada tahun 2016, iaitu:

1. JPN Papar, Sabah
2. JPN Sipitang, Sabah
3. JPN Sarikei, Sarawak
4. JPN Kapit, Sarawak

Pelaksanaan peluasan percetakan teragih ini telah meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan JPN melalui pemendekan masa menunggu MyKad siap dari 10 hari di Semenanjung dan 30 hari di Sabah dan Sarawak kepada 24 jam.





Kerja-kerja pemasangan gril dan pengubahsuaian ruang pejabat untuk bilik percetakan teragih MyKad



Bilik Percetakan Teragih JPN Papar, Sabah



Bilik Percetakan Teragih JPN Sipitang, Sabah



Bilik Percetakan Teragih JPN Sarikei, Sarawak



Bilik Percetakan Teragih JPN Kapit, Sarawak

TADBIR URUS >>

LATIHAN

LATIHAN

PRESTASI PELAKSANAAN KURSUS

SEPANJANG TAHUN 2016, JPN TELAH MENGANJURKAN 76 KURSUS DI BAWAH PELAN OPERASI LATIHAN DAN JUGA KURSUS-KURSUS PENGURUSAN DAN URUSNIAGA UTAMA JABATAN YANG DIARAHKAN DARI SEMASA KE SEMASA.

Pelaksanaan latihan adalah salah satu aspek penting yang membantu kepada pembangunan modal insan warga JPN agar kompeten sesuai dengan perubahan semasa bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rayat dan juga demi pembangunan kerjaya setiap individu.

Rentetan kepada surat arahan Jabatan Perkhidmatan Awam berkaitan penangguhan penguatkuasaan pelaksanaan dasar berkursus tujuh hari setahun bagi anggota perkhidmatan awam pada 29 Februari 2016, telah membawa kajian semula kepada Pelan Operasi Latihan JPN bagi melaksanakan kursus-




kursus berdasarkan keutamaan dan keperluan Jabatan sahaja. Implikasi kewangan diambil kira sebagai faktor bagi pelaksanaan kursus-kursus dengan mengutamakan premis-premis kerajaan dan Pusat Latihan Awam sebagai lokasi penganjuran kursus.

Antara kursus-kursus yang dilaksanakan sepanjang tahun 2016 yang memberi signifikan kepada Jabatan adalah:



-  Bengkel Pemahaman & Pelaksanaan MS ISO 9001:2015
-  Bengkel Halatuju & Pengurusan MyKid
-  Kursus Pementapan Pengurusan & Kepimpinan KP42
-  Bengkel Kajian Hab Percetakan MyKad JPN

Berikut adalah pecahan pelaksanaan kursus Tahun 2016 mengikut kategori kursus :





KURSUS BOS ONLINE

Pada tahun 2016, Kursus BOS (*Blue Ocean Strategy*) Online telah dilaksanakan kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 hingga Gred 54 JPN. Kursus ini telah dikoordinasikan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi agensi di bawah KDN. Pegawai-pegawai JPN yang disenaraikan untuk mengikuti kursus ini telah hadir dengan jayanya iaitu seramai 40 pegawai.

Objektif kursus ini adalah untuk

- a. Pemahaman konsep BOS dan cara untuk mengaplikasikannya di dalam organisasi dan yang berkaitan.
- b. Meningkatkan pemikiran kreatif dan berupaya untuk mengaplikasi konsep BOS.
- c. Menggalakkan elemen kreatif dan inovatif kakitangan perkhidmatan awam untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang.





TADBIR URUS >>
PENGURUSAN REKOD

PENGURUSAN REKOD




PENYIMPANAN DOKUMEN PENDAFTARAN SECARA BERPUSAT

Pada tahun 2016, Pusat Pengurusan Rekod JPN telah menyimpan sebanyak 134,976,753 dokumen pendaftaran di Pusat Pengurusan Rekod, Ibu Pejabat JPN Putrajaya yang melibatkan pelbagai rekod usniaga utama JPN di seluruh negara. Selain dalam bentuk dokumen fizikal, rekod-rekod ini juga disimpan dalam bentuk digital dan mikrofilm.

SIMPAN REKOD FIZIKAL


%	JENIS REKOD	JUMLAH
56.68	Kad Pengenalan	76,500,212
27.71	Kelahiran	37,400,963
6.37	Warganegara	8,594,737
5.62	Kematian	7,585,191
3.57	Perkahwinan/Perceraian	4,824,627
0.05	Anak Angkat	71,023
JUMLAH KESELURUHAN		134,976,753



PENGUMPULAN DOKUMEN PENDAFTARAN KE PUSAT PENGURUSAN REKOD JPN

Semua dokumen pendaftaran hasil daripada urusniaga kaunter JPN di seluruh negara akan dikutip dan disimpan di Pusat Pengurusan Rekod, Ibu Pejabat JPN Putrajaya, kecuali bagi dokumen kelahiran, kematian dan anak angkat di Sabah dan Sarawak akan disimpan di pejabat JPN negeri tersebut.

Pada tahun 2016, sebanyak 6,421 kotak yang melibatkan 1,252,915 dokumen pendaftaran telah dihantar ke Pusat Pengurusan Rekod, Ibu Pejabat JPN Putrajaya untuk simpanan. Statistik penghantaran dokumen tahun 2016 mengikut negeri adalah seperti berikut:



PENDIGITALAN DOKUMEN PENDAFTARAN JPN

Pusat Pengurusan Rekod JPN melaksanakan peralihan dokumen fizikal kepada bentuk digital bagi mewujudkan salinan pendua setiap dokumen pendaftaran yang disimpan.

**PADA TAHUN 2016, SEBANYAK 1,663,279 DOKUMEN
PENDAFTARAN YANG MELIBATKAN 4,569,234 MUKA SURAT
TELAH DIBUAT PERALIHAN KEPADA BENTUK DIGITAL.**





PENGELUARAN SEMULA DOKUMEN PENDAFTARAN JPN

Dokumen-dokumen pendaftaran yang disimpan di Pusat Pengurusan Rekod JPN akan sentiasa dirujuk semula oleh kakitangan JPN bagi melaksanakan proses urusniaga utama JPN dan juga agensi luar seperti PDRM dan mahkamah.

PADA TAHUN 2016, SEBANYAK **175,125 DOKUMEN
PENDAFTARAN JPN TELAH DIKELUARKAN SEMULA
UNTUK TUJUAN RUJUKAN.**



PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN REKOD

Dalam menjaga kualiti rekod agar sentiasa berkeadaan baik dan tidak mudah rosak, Pusat Pengurusan Rekod JPN juga telah melakukan pemeliharaan dan pemuliharaan rekod seperti memperbaiki rekod-rekod rosak dan menjilid rekod agar sentiasa boleh digunakan.

Selain daripada itu, Pusat Pengurusan Rekod JPN juga bertanggungjawab untuk menyediakan tempahan daripada JPN Ibu Pejabat dan JPN Negeri untuk menyediakan Album Sijil Penghargaan, Album dan Diari Perkahwinan dengan menggunakan teknik *Case-Binding*, *Cut Flush* serta Rencam Jilidan.

Bagi tahun 2016, salah satu rekod pendaftaran yang dijilidkan adalah sijil untuk perkahwinan dan penceraian yang didaftarkan sebelum tahun 1998 di mana sebanyak 2,215 naskah buku jilid telah dihasilkan.



TADBIR URUS >>

PENYELARASAN DASAR &
PEMANTAUAN

PENYELARASAN DASAR & PEMANTAUAN



PELAN PENGURUSAN RISIKO

PENGURUSAN RISIKO MERUPAKAN SUATU PROSES YANG MELIBATKAN ANALISIS, MENGENALPASTI DAN MENILAI SESUATU RISIKO BAGI PEMBANGUNAN STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN UNTUK MENGAWAL, MENCEGAH, MEMINIMAKAN DAN MENERIMA RISIKO TERSEBUT.

Selaras dengan peranan JPN sebagai agensi barisan hadapan, Pelan Pengurusan Risiko telah dirangka dan dibangunkan bersesuaian dengan pelan strategik organisasi bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan dan menjamin pelaksanaan proses kerja yang efektif serta sistematik.

Pembangunan Pelan ini adalah hasil daripada Bengkel Pembangunan Pelan Pengurusan Risiko JPN yang telah diadakan pada 24-25 November 2016. Pelan ini telah dilancarkan pada 29 November 2016 semasa Majlis Perhimpunan Bulanan bagi Bulan November 2016 oleh Ketua Pengarah Pendaftaran Negara.

Tujuan utama Pelan Pengurusan Risiko JPN ini adalah untuk mengenalpasti risiko serta menganalisa kesan dan akibat sekiranya sesuatu risiko itu terjadi dan merancang tindakan-tindakan kawalan, tindakan alternatif dan penambahbaikan dalam mengawal risiko tersebut bagi memastikan kesinambungan fungsi atau sistem penyampaian perkhidmatan dan kemudahan pemprosesan operasi dipulihkan dengan segera apabila berlaku bencana atau gangguan dari dalam dan luar organisasi.

Pelan Pengurusan Risiko ini perlu didokong oleh setiap warga JPN bagi menerapkan budaya pengurusan risiko di setiap peringkat dalam organisasi untuk memastikan kelangsungan fungsi pengoperasian dan penyampaian perkhidmatan JPN kepada rakyat.



PARLIMEN

Parlimen Malaysia adalah badan perundangan bagi Kerajaan Persekutuan yang melulus dan meminda undang-undang Persekutuan, memeriksa dasar-dasar kerajaan serta meluluskan bajet kerajaan dan cadangan cukai yang baru. Justeru, Kementerian dan Agensi Kerajaan bertanggungjawab untuk mengemukakan maklumat dan laporan yang diperlukan bagi Persidangan Parlimen.

Tahun 2015 dan 2016 menunjukkan terdapat peningkatan soalan Parlimen yang ditujukan kepada JPN seperti jadual berikut:



Pecahan Statistik Soalan Parlimen Mengikut Urusniaga Utama Tahun 2015 & 2016

DEWAN RAKYAT

2015	TAHUN	2016
10	BAK	8
28	BKP	24
4	BKC	5
12	BWN	23
2	LAIN-LAIN	1
56	JUMLAH	61

DEWAN NEGARA

2015	TAHUN	2016
7	BAK	6
6	BKP	13
3	BKC	3
6	BWN	11
0	LAIN-LAIN	2
22	JUMLAH	35



FOKUS KDN DI BAWAH TANGGUNGJAWAB JPN

Halatuju dan prestasi JPN sentiasa dipantau di peringkat KDN bukan hanya melalui penetapan Petunjuk Kekunci Utama (KPI) dan juga projek/inisiatif dalam Pelan Strategik JPN 2015-2020. Bagi memastikan Jabatan sentiasa berusaha menambahbaik perkhidmatan sedia ada kepada pelanggan, KDN telah meminta agar Jabatan menyenaraikan fokus utama yang memberi impak langsung terhadap penyampaian perkhidmatan untuk

dipantau dan dinilai 4 kali setahun. Pemantauan yang rapi bukan sahaja memastikan sasaran yang ditetapkan dicapai, tetapi juga membuktikan bahawa janji-janji dalam penyampaian perkhidmatan dapat disempurnakan.

Inisiatif di bawah tanggungjawab JPN yang diangkat sebagai Fokus KDN 2016 adalah seperti berikut:

INISIATIF

1

PENDAFTARAN LEWAT KELAHIRAN (PLK) BAGI KANAK-KANAK BAWAH SATU (1) TAHUN DI SEMENANGJUNG MALAYSIA – PLK BELOW ONE

Pendaftaran lewat kelahiran bagi kanak-kanak bawah satu (1) tahun yang dilahirkan di hospital berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia di Semenanjung Malaysia diselesaikan dalam tempoh lima (5) hari bekerja.

2

PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENDAFTARAN KEMATIAN DAN PERMIT MENGUBUR JPN-PDRM FASA 1

Integrasi data kematian dengan PDRM bagi pelaporan kematian yang diterima di balai polis Semenanjung Malaysia bagi memastikan pelaporan kematian di balai polis tanpa borang dan pengemaskinian status kematian yang cepat dan tepat.

PENCAPAIAN



100%
permohonan berjaya
diselesaikan dalam tempoh
5 HARI BEKERJA



Bermula 28 September 2016
melibatkan:

4 BALAI POLIS

- Cheras
- Salak Tinggi
- Petaling Jaya
- Klang





INISIATIF

3

MENUBUHKAN PUSAT RUJUKAN MAKLUMAT JPN

Pusat Rujukan Maklumat JPN merupakan kaedah penghasilan satu sumber rujukan maklumat bagi tujuan membuat keputusan pengurusan JPN.



PENCAPAIAN

14
MODUL STATISTIK
DIBANGUNKAN
PADA 14.11.2016

- Kad Pengenalan
- Kelahiran
- MyKid
- Anak Angkat
- Kematian
- Warganegara
- Perkahwinan & Perceraian
- Kutipan Hasil
- Perkongsian Maklumat
- Centralised User ID (CUID)
- Identity Card Service Center (ICSC)
- eMobile
- Business Intelligent System (BIS)
- MyIDENTITY

4

PERLUASAN PROJEK PERCETAKAN TERAGIH MyKad

Memberi kemudahan cetakan MyKad kepada orang awam dalam tempoh 24 jam.

4
PEJABAT JPN
TELAH DILENGKAPI
KEMUDAHAN

- JPN Papar - 5 Sep. 2016
- JPN Sipitang - 17 Okt 2016
- JPN Sarikei - 7 Nov 2016
- JPN Kapit - 7 Nov 2016





LAWATAN LUAR NEGARA

1. Lawatan Delegasi Antarabangsa

Sebanyak dua (2) delegasi luar negara telah mengadakan lawatan penandaarasan ke JPN iaitu dari Universiti Sriwijaya, Indonesia pada 22 Mac 2016 dan Bangladesh Bureau of Statistics (BBS) pada 3 November 2016. Lawatan yang diterima oleh JPN ini adalah untuk melihat sistem pendaftaran sivil yang dilaksanakan di Malaysia dari segi dokumen pengenalan diri berteknologi tinggi, sistem ICT yang selamat dan *reliable* serta mengenai tatacara pengurusan pelanggan oleh JPN. Lawatan penandaarasan dari negara luar sebegini merupakan salah satu pengiktirafan secara tidak langsung kepada JPN dalam meningkatkan lagi kualiti tadbir urus serta penyampaian perkhidmatan Jabatan.



2. Forum Asia Pacific Smart Card Association (APSCA)

JPN telah dijemput untuk menghadiri forum dan membentangkan kertas kerja bertajuk "*Integrating Civil Registration and Identity Management to Deliver eGovernment Services to All Citizen*" di Kigali, Rwanda dari National Identification Agency (NIDA) dan Asia Pacific Smart Card Association (APSCA). Malaysia telah dijadikan penanda aras dalam aktiviti pendaftaran sivil bagi negara-negara Asia Pasifik dan berpeluang bertukar-tukar pengetahuan untuk memantapkan lagi prosedur pendaftaran sivil yang dilaksanakan oleh Malaysia. Jemputan ini membuktikan kejayaan dan pencapaian Malaysia dalam pelaksanaan *Civil Registration dan Vital Statistic (CRVS)*.



TADBIR URUS



AUDIT

PENGAUDITAN & INSPEKTORAT PENGURUSAN REKOD IBU PEJABAT JPN PUTRAJAYA

Pengauditan dan Inspektorat Pengurusan Rekod telah dilaksanakan pada 18 hingga 23 Ogos 2016 di Ibu Pejabat JPN Putrajaya. Pengauditan dan inspektorat ini dijalankan bagi tujuan memberi pendedahan dan kefahaman berkaitan Senarai Semak Kriteria Pengurusan Rekod dan memantau pematuhan dan keakuran agensi kepada peraturan, dasar dan standard pengurusan rekod yang sedang berkuatkuasa.

Pengauditan yang dijalankan berdasarkan sub-kriteria urusan pengurusan rekod yang merangkumi komitmen Jabatan, pelaksanaan program dan aktiviti pengurusan rekod dan pelupusan rekod. Pelaksanaan auditan ini hanya melibatkan tiga (3) Bahagian sahaja iaitu, Bahagian Kad Pengenalan (BKP), Bahagian Warganegara (BWN) dan Bahagian Perkahwinan dan Penceraian (BKC). Seramai lima (5) orang Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dari BPM dan BPPR dilantik sebagai panel pengauditan tersebut.





PEMERIKSAAN ASET JABATAN TAHUN 2016


Pemeriksaan aset Jabatan bagi tahun 2016 telah dijalankan selama satu (1) bulan bermula dari 15 November hingga 15 Disember 2016 yang melibatkan seramai 183 orang Pegawai Pemeriksa Aset yang dilantik. Pemeriksaan aset dijalankan secara seraman silang atau audit silang di antara Bahagian dan juga JPN Negeri. Pemeriksaan aset perlu dijalankan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun seperti yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan.



PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT - PERSIJILAN ISO/IEC 27001:2013, INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS)

Information Security Management System (ISMS) merupakan sistem pengurusan berasaskan pendekatan risiko berdasarkan standard antarabangsa bagi menambah baik sistem maklumat Jabatan.

Persijilan ISMS berjaya dikekalkan bagi tempoh satu (1) tahun berikutnya sehingga 11 Disember 2017 bagi skop Pengoperasian Pusat Data dan Permohonan MyKad bagi kanak-kanak 12 tahun (Peringkat Permohonan- Kelulusan).



PEMERIKSAAN MENGEJUT/ BERKALA


Pemeriksaan mengejut merupakan perkara wajib di bawah Arahan Perbendaharaan 308 dan 309 dimana ia perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya dalam tempoh enam bulan sekali.

Sepanjang tahun 2016, Ibu Pejabat JPN Putrajaya telah melaksanakan sebanyak 12 pemeriksaan mengejut meliputi

pemeriksaan peti besi, tunai (*petty cash*), stor, dan bilik kebal. Bagi pemeriksaan mengejut di negeri-negeri pula, dilaksanakan oleh Pengarah Negeri masing-masing di mana secara keseluruhannya sebanyak 117 pemeriksaan mengejut telah dilaksanakan di JPN Negeri dan Daerah meliputi pemeriksaan peti besi, panjar wang runcit, pemeriksaan hasil, stor, dan bilik kebal.

AKTIVITI AUDIT KUALITI DALAMAN MS ISO 9001:2015

Pada tahun 2016, sebanyak lima (5) siri Audit Kualiti Dalam MS ISO 9001:2015 telah dilaksanakan oleh Juruaudit Kualiti Dalam JPN. Pengauditan ini bermula 26 September 2016 sehingga 2 Disember 2016 yang melibatkan seramai 65 orang Juruaudit yang terlatih. Pengauditan yang dilaksanakan merangkumi penilaian terhadap prosedur kualiti/proses kerja untuk menentukan matlamat telah dicapai iaitu mematuhi Standard MS ISO 9001:2015 yang telah ditetapkan di samping memastikan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) JPN yang sedia ada masih berkesan, relevan dan wajar diteruskan.






PERALIHAN VERSI STANDARD MS ISO 9001:2008 KEPADA STANDARD MS ISO 9001:2015

JPN telah berjaya beralih daripada versi Standard MS ISO 9001:2008 kepada Standard MS ISO 9001:2015. JPN telah berjaya mendapat pengiktirafan Pensijilan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. bagi tempoh tiga (3) tahun bermula 15 November 2016 sehingga 14 November 2019 meliputi skop Urusniaga Utama dan Perkhidmatan Pengurusan dan Sokongan.

Secara keseluruhannya, berdasarkan pengauditan yang dijalankan oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada tahun 2016 telah merumuskan bahawa Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) JPN telah dapat dilaksanakan dan mengikut keperluan standard baru versi MS ISO 9001:2015 sekaligus mengiktiraf JPN sebagai salah satu agensi yang menggunakan Standard versi MS ISO 9001:2015. Penglibatan dan sokongan Pengurusan Tertinggi dan semua lapisan kakitangan secara langsung juga merupakan kekuatan JPN dalam mencapai kejayaan mendapatkan Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd.



MS ISO 9001:2015



TATATERTIB & PENGURUSAN ADUAN

LAPORAN TATATERTIB BAGI TAHUN 2016

PENGURUSAN KES TATATERTIB JPN ADALAH BERDASARKAN KEPADA LAPORAN YANG DITERIMA DARIPADA BAHAGIAN/NEGERI BERKENAAN DENGAN SALAH LAKU PEGAWAI.

Peraturan tatatertib yang diguna pakai adalah terkandung dalam *Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993*. Peraturan ini mengandungi peraturan dan tatakelakuan yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh seseorang pegawai awam. Pelanggaran ke atas sebarang peraturan yang ditetapkan akan membolehkan tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai.

Sehingga Disember 2016, sebanyak 18 kes tatatertib telah diterima. Daripada jumlah keseluruhan kes tersebut, 15 kes telah menjalani prosiding tatatertib, manakala baki tiga (3) kes telah digugurkan.



PERBANDINGAN STATUS KES TATATERTIB TAHUN 2015 DAN 2016

Sepanjang tahun 2016, Sub Unit Tatatertib telah mengendalikan sebanyak 18 kes tatatertib di mana 15 kes telah menjalani prosiding tatatertib manakala tiga (3) kes selebihnya telah digugurkan.

Prosiding Tatatertib & Kes Digugurkan


STATUS	2015	2016	%
Prosiding Tatatertib			
Kes Selesai	2	7	↑ 250
Tindakan Penyiaran Notis	1	0	↓ 100
Tindakan Representasi	0	3	↑
Tindakan <i>Prima Facie</i>	2	0	↓
Tindakan Mahkamah	1	4	↑ 300
Dalam Tindakan	0	1	↑
	6	15	↑150
Kes Digugurkan			
Kes Digugurkan	7	3	↓57.14
JUMLAH	13	18	↑38.46

**PENGURUSAN ADUAN****SUMBER ADUAN**

Pengurusan Aduan menerima maklumbalas sama ada melalui orang awam atau warga dalaman, daripada lima (5) sumber seperti berikut:

- ▶ Sistem Aduan Integriti KDN
- ▶ Emel JPN
- ▶ Pengadu Hadir Sendiri/Bersemuka
- ▶ Surat/Memo/Borang Aduan
- ▶ Panggilan Telefon

Bagi tahun 2016, JPN menerima 23 (57.5%) aduan daripada orang awam manakala 17 (42.5%) aduan adalah secara dalaman. Majoriti penerimaan aduan oleh sub unit ini adalah daripada sumber Surat/Memo/Borang Aduan iaitu sejumlah 24 (60%) aduan, diikuti oleh sumber dari Sistem Aduan Integriti KDN sejumlah 13 (32.5%) aduan, Panggilan Telefon sebanyak dua (2) (5%) aduan, dan Emel JPN sejumlah satu (1) (2.5%) aduan.

Penerimaan Aduan Mengikut Sumber


KATEGORI ADUAN

Pengurusan Aduan menganalisis aduan mengikut lima (5) kategori seperti berikut:

- ▶ Jenayah
- ▶ Rasuah
- ▶ Pelanggaran Arahan/SOP/Etika Organisasi
- ▶ Tatakelakuan
- ▶ Lain-lain

Bagi tahun 2016, adalah didapati kategori Pelanggaran Arahan/SOP/Etika Organisasi adalah kategori aduan yang tertinggi iaitu sejumlah 20 (50%) aduan, diikuti oleh kategori Lain-lain Kesalahan sejumlah 10 (25%) aduan dan diikuti dengan kategori Tatakelakuan sejumlah 6 (15%) aduan. Sehingga Disember 2016, kes selesai di Unit Pengurusan Aduan ialah sebanyak 38 kes, manakala baki dua (2) kes masih dalam tindakan.

Aduan Mengikut Kategori Kesalahan



PERBANDINGAN PRESTASI PENGURUSAN ADUAN TAHUN 2015 DAN 2016

Sepanjang tahun 2015, Unit Integriti JPN telah menerima sejumlah 47 kes aduan berbanding 40 kes pada tahun 2016 yang mencatatkan penurunan penerimaan kes aduan sebanyak tujuh (7) kes (14.9%).

Penerimaan Kes Aduan

KATEGORI KESALAHAN	2015	2016	%
Sistem Aduan Integriti KDN	20	13	↓ 35.00
Emel JPN	6	1	↓ 80.00
Pengadu Hadir Sendiri/Bersemuka	2	0	↓ 100
Surat/Memo/Borang Aduan	18	24	↑ 20.00
Panggilan Telefon	1	2	↑ 100
JUMLAH	47	40	↓ 14.90

KOMUNIKASI KORPORAT



KOMUNIKASI KORPORAT



PENGURUSAN MAKLUMBALAS AWAM

Sepanjang tahun 2016, JPN telah menerima sejumlah 359 aduan berbanding 379 aduan pada tahun 2015 yang mencatatkan penurunan penerimaan aduan sebanyak 20 (5.28%). Majoriti aduan yang diterima dapat diselesaikan dalam tempoh lima (5) hari bekerja berdasarkan piagam pelanggan.

Maklumbalas Diterima



Penghargaan

- 1** (13.09%) MEDIA CETAK/ONLINE (AKHBAR)
- 8** (31.75%) SISPAА JPN
- 9** (26.46%) SURAT
- 2** (1.67%) BERSEMUKA
- 3** (0.28%) EMEL
- 15** (5.85%) FACEBOOK
- 5** (0.28%) TWITTER
- 240** (5.85%) LAIN-LAIN SUMBER



Jenis Maklumbalas

	2015	2016
Aduan	379	359 ↓ 5.28 %



- 47** (13.09%) BIRO PENGADUAN AWAM
- 114** (31.75%) AKHBAR
- 95** (26.46%) SISPAА JPN
- 6** (1.67%) SISPAА KDN
- 1** (0.28%) SURAT
- 21** (5.85%) BERSEMUKA

- 26** (7.24%) EMEL
- 18** (5.01%) TELEFON
- 23** (6.41%) IMOCC
- 5** (1.39%) FACEBOOK
- 2** (0.56%) TWITTER
- 1** (0.28%) LAIN-LAIN SUMBER



ANALISA PERTANYAAN PADA TAHUN 2016

Jumlah pertanyaan yang diterima daripada orang awam sepanjang tahun 2016 adalah sebanyak **15,632**. Pertanyaan melalui **telefon** yang paling banyak diterima oleh UKK. Majoriti pertanyaan mengenai prosedur permohonan gantian MyKad, prosedur permohonan kad pengenalan 12 tahun, status permohonan MyKad, permohonan gantian tukar alamat kad pengenalan dan sebagainya.



- ▶ Prosedur permohonan gantian MyKad
- ▶ Prosedur permohonan kad pengenalan 12 tahun
- ▶ Status permohonan kad pengenalan
- ▶ Permohonan gantian tukar alamat



SIJIL PENGHARGAAN

Perkhidmatan JPN yang cemerlang telah menerima penghargaan daripada orang awam. Penghargaan diberikan adalah berdasarkan komitmen, prestasi kerja dan perkhidmatan JPN yang berlandaskan Rakyat Di Hati JPN.

Penghargaan Yang Diterima Oleh JPN Pada Tahun 2016;

Penghargaan

1 (13.09%) MEDIA CETAK/ONLINE (AKHBAR)

8 (31.75%) SISPAJ JPN

9 (26.46%) SURAT

2 (1.67%) BERSEMUKA

3 (0.28%) EMEL

15 (5.85%) FACEBOOK

5 (0.28%) TWITTER

240 (5.85%) LAIN-LAIN SUMBER



ANALISA MAKLUMBALAS KEPUASAN PELANGGAN

Sehingga Disember 2016, sebanyak **185 cawangan/bahagian telah menggunakan Intelligent Customer Monitoring System (ICMS)** di seluruh JPN manakala 31 cawangan yang masih menggunakan Smiley Box. Penggunaan ICMS lebih efektif kerana menjimatkan masa dan memudahkan pelanggan untuk menilai tahap perkhidmatan yang disediakan oleh pihak JPN.



Statistik Perbandingan Jumlah Tiket Yang Dikeluarkan Dan Dinilai

INTELLIGENT CUSTOMER MONITORING SYSTEM (ICMS)

	2015	2016	%
Tiket Dikeluarkan	7,945,421	8,570,678	↑ 7.86
Tiket Dinilai	1,462,890	1,575,647	↑ 7.70

SMILEY BOX

	2015	2016	%
Tiket Dinilai	2,142,100	964,710	↓ 54.96

BORANG MAKLUM BALAS KEPUASAN PELANGGAN

	2015	2016	%
Borang Dinilai	97,700	127,328	↑ 30.32

Perbandingan Penilaian Maklumbalas Kepuasan Pelanggan Yang Diterima Mengikut Sumber

INTELLIGENT CUSTOMER MONITORING SYSTEM (ICMS)

	2015	2016
Cemerlang	99.08 %	98.97 %
Tidak Memuaskan	0.92 %	1.03 %
	↓ 0.11 %	

BORANG MAKLUMBALAS KEPUASAN PELANGGAN

	2015	2016
Cemerlang	99.04 %	98.65 %
Tidak Memuaskan	0.71 %	0.42 %
	↓ 0.29%	

SMILEY BOX

	2015	2016
Cemerlang	99.98 %	99.99 %
Tidak Memuaskan	0.02 %	0.01 %
	↑ 0.01 %	

JUMLAH MAKLUMBALAS KEPUASAN PELANGGAN

	2015	2016
Cemerlang	99.37 %	99.2 %
Tidak Memuaskan	0.58 %	0.49 %
	↓ 0.09 %	



HARI BERTEMU PELANGGAN

Sepanjang tahun 2016, Hari Bertemu Pelanggan (HBP) telah diadakan pada hari Khamis, minggu kedua setiap bulan di Ibu Pejabat JPN Putrajaya dan seluruh JPN Negeri di seluruh Malaysia dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada orang awam mengemukakan aduan, cadangan atau pertanyaan dan mendapat penerangan mengenai perkhidmatan JPN.






PROMOSI DAN PUBLISITI

Program promosi dan publisiti JPN giat dijalankan yang bertujuan untuk menyampaikan maklumat secara terus kepada orang ramai berkaitan perkhidmatan Jabatan. Aktiviti-aktiviti promosi dan publisiti Jabatan berlangsung sepanjang tahun melalui kaedah komunikasi bersemuka, media konvensional, media sosial dan media baru.

Statistik Keseluruhan Aktiviti Promosi Dan Publisiti JPN



yang hilang kad pengenalannya hendaklah dengan segera memohon kad pengenalan gantian.

KADAR BAYARAN BAGI HILANG MYKAD

Kebilangan	Bayaran Permohonan	Kadar F1	Jumlah Bayaran
KALI PERTAMA	RM 10.00	RM 100.00	RM 110.00
KALI KEDUA	RM 10.00	RM 300.00	RM 310.00
KALI KETIGA DAN SETERUSNYA	RM 10.00	RM 1000.00	RM 1010.00

** Untuk makluman, permohonan kad pengenalan CP 2 dan CP 3 dikenakan bayaran satu sen pada hari pertama atau keesokan harinya **

Statistik Komunikasi Bersemuka

KOMUNIKASI BERSEMUKA

2015	2016
1,219	1,374
	↑ 12.71 %



804 (58.51 %)
MOBILE EHSAN
77 (5.60 %)
BAS MOBILE
108 (7.86 %)
PAMERAN

344 (25.04 %)
KAUNTER BERGERAK
41 (2.98 %)
TAKLIMAT URUSAN PENDAFTARAN

Statistik Media Sosial

MEDIA SOSIAL

2015	2016
972	2,328
	↑ 139.51 %



383 (16.45 %)
FACEBOOK
264 (11.34 %)
INSTAGRAM

1,669 (71.69 %)
TWITTER & RETWEET
12 (0.51 %)
YOUTUBE

Statistik Media Konvensional

MEDIA KONVENSIONAL

2015	2016
37	83
	↑ 124.32 %



35 (42.17 %)
HEBAHAN MEDIA
18 (21.69 %)
AKHBAR
7 (8.43 %)
MAJALAH/ARTIKEL

9 (10.84 %)
KENYATAAN MEDIA
10 (12.05 %)
RADIO
4 (4.82 %)
TELEVISYEN

Statistik Media Baru

MEDIA BARU

2015	2016
231	695
	↑ 200.87 %



52 (7.48 %)
BANNER
32 (4.60 %)
HEBAHAN

611 (87.91 %)
TAKWIM

PROGRAM TURUN PADANG



PROGRAM TURUN PADANG >>

PROGRAM TURUN PADANG




PROGRAM OUTREACH

PROGRAM INI MENSASARKAN INDIVIDU YANG TIDAK DAPAT HADIR KE PEJABAT JPN IAITU PENDUDUK DI KAWASAN PEDALAMAN, ORANG KELAINAN UPAYA, WARGA TUA YANG SAKIT DAN INDIVIDU DI INSTITUSI SEPERTI PUSAT LATIHAN/TAHANAN.

Program Turun Padang - *Outreach* merupakan pendekatan proaktif JPN dalam memastikan setiap penduduk Malaysia yang layak, dikeluarkan dokumen pengenalan diri yang sah, sekaligus bagi membolehkan mereka menikmati pelbagai kemudahan yang ditawarkan oleh Kerajaan. Program *Outreach* JPN menggunakan set *mobile online* yang membolehkan permohonan diproses secara atas talian bagi pengesahan secara *real-time* dengan pangkalan data JPN. Selain itu, JPN juga menawarkan bantuan khidmat nasihat kepada penduduk.

Jenis Program Outreach JPN



Statistik Program Outreach



JPN TURUN PADANG


Program ini merupakan perkhidmatan bergerak JPN seperti Mobile Ehsan dan Program Komuniti yang merangkumi perkhidmatan ke pelbagai lokasi mengikut keperluan dan permintaan seperti di rumah orang tua, kediaman persendirian, kediaman pesakit terlantar, pusat latihan/ pusat tahanan, dan kawasan yang mengalami bencana alam.

Kategori Program


1. **Mobile Ehsan**
Perkhidmatan terus di lokasi untuk warga emas, orang kelainan upaya dan uzur, serta program untuk kawasan yang dilanda bencana seperti banjir.
2. **Program Komuniti**
Perkhidmatan di lokasi seperti di kampung, kawasan luar bandar, penjara, kem tentera, pusat latihan polis. Program ini kebiasaannya dilaksanakan dengan pelbagai agensi lain seperti Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kemajuan Orang Asli.



Statistik Program Mobile Ehsan




Statistik Program Komuniti



UNIT KHAS BERGERAK

Unit Khas Bergerak (UKB) ditubuhkan bertujuan untuk mendaftar dan mengeluarkan dokumen pengenalan diri orang awam di mana tumpuan utama dan kumpulan sasaran adalah bagi mereka yang berada di pedalaman. Unit Khas Bergerak atau Unit *Mobile* di Ibu Pejabat dan negeri-negeri yang ditubuhkan ini melaksanakan Operasi Pendaftaran Bergerak bagi menjalankan urusan JPN seperti Permohonan dan Penggantian MyKad serta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian.


Statistik Unit Khas Bergerak



MOBILE CTC

Pusat Transformasi Komuniti Bergerak atau lebih dikenali sebagai Mobile CTC merupakan perkhidmatan bergerak yang menghimpunkan perkhidmatan utama mengikut keperluan tempatan serentak di satu lokasi yang dikenal pasti oleh agensi kerajaan. Ia merupakan salah satu inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy*) yang bertujuan memberikan perkhidmatan-perkhidmatan utama/tertentu (*key touchpoint services*) yang diperlukan kepada penduduk luar Bandar atau komuniti pedalaman.


Statistik Program Mobile CTC



MYDAFTAR

Tujuan program MyDaftar diadakan adalah untuk mendaftar dan mengeluarkan dokumen-dokumen pengenalan diri kepada individu yang layak dan membantu menangani masalah pendaftaran dan pendokumentasian penduduk. Program ini melibatkan semua penduduk Malaysia yang mempunyai kelayakan tetapi tidak mempunyai dokumen pengenalan diri tanpa mengira kaum, keturunan mahupun agama.


Statistik Program MyDaftar



PAMERAN

JPN turut melaksanakan pameran dan khidmat nasihat meliputi pelbagai aktiviti dan program yang dirancang secara bulanan atau program jemputan oleh agensi lain. Melalui pameran ini, masyarakat dapat mengemukakan aduan, pertanyaan dan memberi cadangan terhadap perkhidmatan JPN.

Statistik Pameran



MY12 & MY18

JPN turut melaksanakan Program MY12 dan MY18. Objektif Program MY12 ini adalah untuk mengatasi masalah kanak-kanak warganegara Malaysia yang berumur 12 tahun tetapi masih lagi tidak membuat Kad Pengenalan, mengelakkan masalah daftar lewat Kad Pengenalan serta memberikan kesedaran serta pengetahuan tentang Kad Pengenalan kepada orang ramai. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai kepentingan memiliki Kad Pengenalan dan prosedur untuk memohon buat kali pertama

Manakala Program MY18 bertujuan untuk memberi perkhidmatan penukaran MyKad berdasarkan peruntukan Peraturan-peruntukan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007);

PERATURAN 18

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN NEGARA 1990

(PINDAAN 2007)

- SETIAP ORANG YANG TELAH MENCAPAI UMUR 18 TAHUN DAN MEMILIKI KAD PENGENALAN BERTARAF WARGANEGARA ATAU PEMASTAUTIN TETAP HENDAKLAH MEMBUAT GANTIAN KAD PENGENALAN SELEWAT-LEWATNYA APABILA MENCAPAI UMUR 25 TAHUN



INOVASI & KUALITI



INOVASI



PERSIDANGAN CAPAM 2016

Tahun 2016 telah menyaksikan penyertaan JPN di peringkat antarabangsa di dalam Anugerah Inovasi Antarabangsa *Commonwealth Association For Public Administration And Management (CAPAM)* sempena Persidangan Dwi Tahunan CAPAM bagi Tahun 2016 (Persidangan CAPAM 2016) yang telah diadakan dari 18 hingga 20 Ogos 2016 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

JPN telah mewakili Malaysia bagi Anugerah Inovasi Antarabangsa CAPAM melalui Program Outreach JPN, sebagai finalis dalam



Kategori *Citizen-Focused Innovation* bagi Anugerah Inovasi Antrabangsa CAPAM 2016.

JPN telah diwakili oleh barisan panel pembentang yang terdiri daripada pegawai-pegawai JPN iaitu, Cik Norazian binti Md Noh dari JPN Negeri Sarawak, Encik Noorul Adzim bin Ateman dari Bahagian Kad Pengenalan, Encik Alfatuze bin Hj Bolot dari Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, dan Encik Ahmad Sharidan bin Mohd Alias dari Bahagian Penyelarasan Dasar dan Pemantauan, Ibu Pejabat JPN Putrajaya.

Keputusan Anugerah Inovasi Antrabangsa CAPAM 2016 telah diumumkan dan disampaikan kepada para pemenang semasa *Majlis President's Dinner* semasa penutup Persidangan Dwi Tahunan CAPAM pada 20 Ogos 2016. Kempen *Lado (Beloved Child) - An Innovative Initiative for Eradicating Child Marriages: Department of Women & Child Development* dari India telah dinobatkan sebagai pemenang bagi Kategori *Citizen-Focused Innovation* yang disertai oleh JPN. Manakala JPN telah mendapat sijil penghargaan sebagai finalis di bawah Kategori *Citizen-Focused Innovation*. Majlis Penyampaian Anugerah telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara.



 **EKSA @ JPN**

Pengurusan persekitaran kerja yang mantap merupakan salah satu elemen penting dalam menyumbang kejayaan tadbir urus sesebuah Jabatan. Selain merupakan salah satu kriteria penilaian Indeks SSR, melalui pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), JPN sentiasa berusaha memastikan persekitaran pejabat-pejabatnya berada di dalam keadaan kondusif, selamat dan membantu dalam penghasilan *output* yang memberi

impak di dalam penyampaian perkhidmatan. Sebanyak 15 buah pejabat JPN telah memperolehi Pensijilan EKSA daripada MAMPU sehingga Disember 2016. Usaha pelaksanaan EKSA diteruskan secara konsisten dan berterusan meliputi pejabat JPN di peringkat Ibu Pejabat JPN Putrajaya, JPN Negeri, Cawangan dan Daerah.

Senarai Pejabat Yang Telah Memperolehi Pensijilan EKSA Sehingga Disember 2016

PEJABAT	TEMPOH PENSIJILAN
JPN Negeri Johor	15.12.2015 - 14.12.2017
JPN Putrajaya	1.3.2016 - 28.2.2018
JPN Negeri Terengganu	15.4.2016 - 14.4.2018
JPN Negeri Sabah, JPN UTC Kota Kinabalu, Sabah JPN Sipitang, Sabah	15.6.2016 - 14.6.2018
JPN UTC Melaka, JPN Negeri Melaka, JPN Alor Gajah, Melaka	15.7.2016 - 14.7.2018
JPN Negeri Sarawak	15.9.2016 - 14.9.2018
JPN Petaling Jaya, Selangor	1.10.2016 - 30.9.2018
JPN Negeri Pahang, JPN UTC Pahang	15.10.2016 - 14.10.2018
JPN W.P. Labuan	1.12.2016 - 30.11.2018
JPN Negeri Selangor	15.12.2016 - 14.12.2018



Pelaksanaan amalan EKSA di JPN turut dikongsikan bersama-sama dengan lain-lain yang telah hadir membuat lawatan penandaarasan di pejabat JPN yang telah memperolehi pensijilan EKSA. Sehingga Disember 2016 JPN telah menerima sebanyak 25 siri lawatan daripada agensi pelbagai agensi. Tujuan lawatan adalah sebagai sesi pembelajaran serta berkongsi "best practices" pelaksanaan EKSA di JPN. Sepanjang sesi lawatan berlangsung, pelawat akan diberi taklimat dan seterusnya dibawa melawat ke Bahagian-Bahagian termasuk kaunter perkhidmatan.

Senarai Jumlah Lawatan Penandaarasan EKSA bagi tahun 2016 di seluruh Pejabat JPN yang telah mendapat Pensijilan EKSA



AIPM DAN AISA 2016

Pengiktirafan inovasi di dalam perkhidmatan awam terdiri daripada dua peringkat iaitu melalui Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) dan Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA). AIPM merupakan pengiktirafan peringkat pertama (*first tier*) kepada penghasilan inovasi yang signifikan dan berimpak tinggi dalam sektor awam. Manakala AISA merupakan penganugerahan peringkat kedua tertinggi (*second tier*) bagi mengiktiraf agensi sektor awam yang berjaya menampilkan pelbagai penyelesaian kreatif dalam empat (4) bidang khusus pengurusan sektor awam yang dikenal pasti sebagai kritikal iaitu Pengurusan Kewangan, Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan serta Pentadbiran Daerah dan Tanah.

Pada tahun 2016 JPN telah menyertai pertandingan **Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM)** melalui Projek Transformasi Pengeluaran Kad Pengenalan: Percetakan Teragih MyKad.

Projek Percetakan Teragih MyKad merupakan perluasan percetakan MyKad *in-situ* di cawangan JPN yang sebelum ini hanya dicetak secara berpusat di Ibu Pejabat Putrajaya supaya MyKad boleh dicetak bagi mempercepatkan tempoh pengeluaran MyKad untuk kemudahan rakyat. Melalui transformasi ini, tempoh siap MyKad untuk diserahkan kepada rakyat dapat dipendekkan dari 10 hari ke satu (1) hari di Semenanjung Malaysia dan dari 30 hari ke 1 hari di Sabah dan Sarawak. Penjimatan tempoh siap MyKad dan peningkatan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan adalah antara 90 hingga 96.7%.




Manakala bagi **Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA)** di bawah Kategori Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AIICT) telah disertai JPN melalui empat (4) projek seperti berikut:

1. Perkhidmatan Digital Kerajaan *Agency Link Up System (ALIS)* yang MAPAN dan Holistik:



Sebuah sistem perkongsian maklumat dengan agensi luar iaitu melalui penyemakan dan pengesahan data rekod individu oleh badan berkanun secara dalam talian menerusi sistem *Agency Link Up System (ALIS)* dengan ciri-ciri keselamatan yang mampan. Penyemakan dan pengesahan data individu boleh dilaksanakan oleh badan berkanun secara dalam talian dari bangunan agensi tanpa perlu hadir ke JPN.

2. Kawalan Menyeluruh Dokumen Terkawal JPN (eSIJIL)



Sistem Edaran Sijil (eSIJIL) dibangunkan dengan konsep idea inovasi dengan penambahbaikan proses kerja mengikut keperluan pengguna, khas untuk menguruskan peredaran dan pengagihan serta untuk memantau pergerakan semua dokumen terkawal JPN. Fungsi sistem ini adalah untuk mengawal pergerakan dokumen terkawal JPN bermula aktiviti penerimaan dokumen dari Percetakan Nasional ke Stor Pusat JPN sehingga pengagihan dokumen ke seluruh cawangan JPN. Sistem ini meliputi proses pendaftaran penerimaan bagi setiap helai dokumen, semakan dan permohonan stok dokumen, menyimpan sejarah kitar hayat setiap pergerakan dokumen sehingga kepada pengeluaran laporan selaras dengan keperluan mengikut Tatacara Pengurusan Stor yang digunapakai di semua agensi kerajaan.

3. Kawalan Menyeluruh Sistem Urusniaga JPN (CUID)

Pengurusan ID yang terdiri daripada pengendalian kawalan keselamatan menyeluruh, pengurusan permohonan dan kelulusan, pemantauan serta penghasilan pelaporan. Setiap permohonan baru, pengemaskinian dan pembatalan ID melibatkan tiga (3) peringkat Penyelia CUID, Pelulus CUID (Pegarah JPN Negeri/Bahagian) dan pengesahan oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTM). Sistem ini dapat mengawal dan mengelakkan penipuan/ penyelewengan/ salahguna kuasa menerusi pemberian aras capaian yang dibenarkan.

4. Pengurusan Aduan Masalah ICT Secara Berpusat (PrepS)

Sistem pengurusan aduan masalah secara berpusat yang berfungsi merekod dan menyalurkan aduan ICT bagi tujuan penyelesaian segera masalah dengan efektif. PRepS menyimpan maklumat di dalam pangkalan data yang khusus dan disimpan di pusat data bagi menjamin keselamatan dan memudahkan capaian.

HARI INOVASI JPN TAHUN 2016

Sambutan Hari Inovasi merupakan aktiviti tahunan JPN yang diadakan bertujuan untuk meningkatkan budaya inovasi dan sebagai platform pengiktirafan hasil inovasi dan kreativiti yang telah dihasilkan oleh warga JPN. Sambutan Hari Inovasi JPN Tahun 2016 telah diadakan pada 7 Oktober 2016 bertempat di Balora Perdana, JPN Putrajaya. Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Wan Ali bin Besar, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), KDN.

Sebanyak lima (5) kategori Anugerah Inovasi telah dipertandingkan pada kali ini, melibatkan sebanyak 173 penyertaan daripada bahagian di JPN Putrajaya dan JPN Negeri/ Wilayah merangkumi:

1. Anugerah Inovasi;
2. Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan;
3. Anugerah Inovasi Perkhidmatan Kaunter Terbaik;
4. Anugerah Inovasi Persekitaran Berkualiti; dan
5. Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).

Penilaian dan pemilihan pemenang bagi setiap kategori pertandingan inovasi yang dipertandingkan telah dinilai oleh panel-panel penilai yang telah dilantik berdasarkan lawatan penilaian inovasi yang telah diadakan pada bulan Ogos 2016 dan dipertimbangkan oleh jawatankuasa bagi setiap kategori.

Disamping anugerah inovasi, pengumuman pemenang Pertandingan Video Pendek dan Foto JPN Terbaik turut diumumkan dan penyampaian hadiah disampaikan pada majlis berkenaan kepada pemenang.

Majlis Sambutan Hari Inovasi pada kali ini menyaksikan JPN Negeri Perak diangkat sebagai Johan Keseluruhan Hari Inovasi JPN Tahun 2016. Manakala Naib Johan Keseluruhan disandang oleh JPN Putrajaya dan Tempat Ketiga Keseluruhan ialah JPN Negeri Johor.

Tema Hari Inovasi 2016

Inovasi
TERAS PERKHIDMATAN
DINAMIK





KONVENSYEN KIK JPN 2016

Konvensyen Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) diadakan bertujuan untuk memupuk persaingan sihat dan meningkatkan penglibatan warga organisasi dalam penghasilan inovasi. Penghasilan sesebuah projek KIK yang berjaya dapat menghasilkan *outcome* untuk jangka masa pendek dan impak untuk jangka masa panjang dalam peningkatan kualiti dan produktiviti sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan.



Konvensyen KIK Peringkat JPN telah diadakan pada 5-6 Oktober 2016 bertempat di Balora Perdana, JPN Putrajaya. Sebanyak 16 kumpulan KIK yang mewakili Bahagian dan JPN Negeri telah mengambil bahagian di dalam Konvensyen KIK pada tahun ini.

Senarai kumpulan yang bertanding adalah:

1. Kumpulan Duta D'publika (JPN WPKL)
2. Kumpulan Aspirasi (JPN Negeri Terengganu)
3. Kumpulan My3Sixty (JPN Negeri Sarawak)
4. Kumpulan Kacang (JPN Negeri Kedah)
5. Kumpulan Hot Stamping (BPR, Ibu Pejabat)
6. Kumpulan Fokus (BTM, Ibu Pejabat)
7. Kumpulan Urban (JPN Negeri Johor)
8. Kumpulan D'Bayu (JPN Negeri Sabah)
9. Kumpulan Anggerik (JPN Negeri Selangor)
10. Kumpulan KIK Mercu (BKP, Ibu Pejabat)
11. Kumpulan Inspirasi (BPM, Ibu Pejabat)
12. Kumpulan Citrus (JPN Pulau Pinang)
13. Kumpulan Kinta (JPN Perak)
14. Kumpulan Rafflesia (JPN Pahang)
15. Kumpulan Kayangan (JPN Perlis)
16. Kumpulan VIP (JPN Kelantan)

Majlis pembukaan telah disempurnakan oleh YBrs. Tn. Hj. Zamari Bin Ramli, Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (Pengurusan) pada 5 Oktober 2016 dan majlis penutup dirasmikan oleh YBhg. Dato' Suriani Binti Dato' Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Kawalan), Kementerian Dalam Negeri pada 6 Oktober 2016 setelah semua kumpulan melalui penilaian VIVA dan persembahan kumpulan.



Kumpulan KINTA dari JPN Negeri Perak telah dinobatkan sebagai Johan KIK JPN, manakala Naib Johan disandang oleh Kumpulan D'Bayu dari JPN Negeri Sabah dan tempat ketiga berpihak kepada Kumpulan Anggerik dari JPN Selangor. Keputusan pemenang KIK telah diumumkan sempena Sambutan Hari Inovasi JPN yang telah diadakan pada 7 Oktober 2016.



WARGA JPN



WARGA JPN >>

HARI PENDAFTARAN NEGARA

HARI PENDAFTARAN NEGARA



SAMBUTAN

HARI PENDAFTARAN NEGARA

TAHUN 2016

Sambutan Hari Pendaftaran Negara (HPN) 2016 telah diadakan pada 4 Oktober 2016 bertempat di Ibu Pejabat JPN Putrajaya. Majlis telah dirasmikan oleh YB Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Timbalan Menteri Dalam Negeri I bertempat di Ibu Pejabat JPN Putrajaya.

Pada majlis tersebut, YB Datuk Nur Jazlan bin Mohamed telah melancarkan Integrasi Sistem Permit Mengubur-Pendaftaran Kematian PDRM dan JPN. Pelaksanaan Integrasi Sistem Permit Mengubur-Pendaftaran Kematian PDRM dan JPN merupakan inisiatif bersama susulan dari kerjasama PDRM, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan JPN berkaitan penggabungan borang permit mengubur/daftar kematian yang telah dilaksanakan pada tahun 2011 lalu. Projek integrasi ini telah mula dilaksanakan secara rintis mulai September 2016 di dan akan diperluaskan ke seluruh negara pada tahun 2017.

Majlis turut menyaksikan penyampaian dua anugerah JPN iaitu Tokoh Pendaftaran Negara kepada Encik Ruslan Bin Alias, Pegawai Pendaftaran Gred KP44, Ibu Pejabat JPN Putrajaya dan Anugerah Jiwa Rakyat kepada Encik Philip Anak Ngian, Pembantu Pendaftaran Gred KP22 JPN Sri Aman, Sarawak.



TARIKH 1 OKTOBER TELAH DITETAPKAN SEBAGAI HARI PENDAFTARAN NEGARA DAN DISAMBUT PADA SETIAP TAHUN BERMULA PADA TAHUN 2013 BERTUJUAN UNTUK MENGIKTIRAF PERANAN JPN DAN WARGA JPN YANG BERTANGGUNGJAWAB MENDAFTAR REKOD PENDUDUK DAN PERISTIWA PENTING SESEORANG INDIVIDU.

Selesai majlis perasmian Sambutan HPN 2016 di Balora Perdana, YB Datuk Nur Jazlan telah mengadakan lawatan ke setiap bahagian urusniaga utama. Sepanjang lawatan tersebut, YB Datuk Nur Jazlan berkesempatan menyampaikan dokumen-dokumen urusniaga utama JPN seperti MyKad, Sijil Kelahiran, MyKid, Sijil Kewarganegaraan dan Sijil Perkahwinan kepada pelanggan yang berurusan di kaunter pada hari tersebut.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan bersempena Sambutan HPN 2016 seperti jualan Foto IC, Penerangan My12 dan My18, Pameran Rekod Pendaftaran Negara, gerai jualan makanan, pakaian dan produk tempatan, pameran dan jualan buku,

persembahan *live band*, kempen derma darah, pemeriksaan kesihatan, kaunter perkhidmatan agensi, *photo booth*, refleksologi dan henna, pertandingan mewarna dan teka silang kata.

Sambutan HPN 2016 turut dimeriahkan dengan kehadiran pelajar sekolah seramai 400 orang yang terdiri daripada sembilan (9) buah sekolah di sekitar Putrajaya. Lawatan sambil belajar ke bahagian-bahagian urusniaga dan pameran rekod pendaftaran di Galeria JPN telah diadakan sebagai pendedahan kepada pelajar sekolah yang hadir.



TOKOH PENDAFTARAN NEGARA 2016

Tokoh Pendaftaran Negara adalah suatu penghargaan kepada warga JPN yang telah memberi sumbangan besar kepada JPN dan perkhidmatan kepada pelanggan.

Encik Ruslan Bin Alias
Pegawai Pendaftaran Gred KP44
Ibu Pejabat JPN Putrajaya



ANUGERAH JIWA RAKYAT 2016

Anugerah Jiwa Rakyat adalah penghargaan kepada warga JPN yang telah berkhidmat di lapangan dan kawasan pedalaman, sanggup untuk menjalankan tugas tanpa kepentingan diri (*beyond the call of duty*) demi perkhidmatan kepada orang awam.

Encik Philip Anak Ngian
Pembantu Pendaftaran Gred KP22
JPN Sri Aman, Sarawak



PERTANDINGAN VIDEO PENDEK & FOTOGRAFI SEMPENA HARI PENDAFTARAN NEGARA 2016

Pertandingan Video Pendek dan Fotografi telah diadakan sempena Sambutan Hari Pendaftaran Negara 2016. Sebanyak enam (6) penyertaan bagi kategori video pendek dengan tema "Urusniaga Utama JPN" dan 15 penyertaan bagi fotografi melalui tema "Rakyat Di Hati JPN" telah diterima oleh urusetia dan dinilai oleh panel-panel juri yang dilantik.

Video pendek oleh Kumpulan NAWAS dari JPN Melaka telah dipilih sebagai johan bagi kategori video pendek, manakala foto karya En. Ahmad Kamil Rashdan Bin Muhd Shafin dari JPN UTC Terengganu telah dipilih sebagai johan kategori fotografi.



PENGHARGAAN UNTUK WARGA JPN

APC JPN 2015

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
MERUPAKAN PENGHARGAAN KERAJAAN KEPADA
ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM YANG TELAH
MEMBERI PERKHIDMATAN YANG CEMERLANG DALAM
MENINGKATKAN KUALITI PENYAMPAIAN DAN IMEJ
JABATAN, KEMENTERIAN DAN PERKHIDMATAN AWAM

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2015 telah diadakan pada 12 April 2016 bertempat di Balora Perdana, Ibu Pejabat JPN Putrajaya. Majlis APC tahun 2015 diadakan bagi memberi penghormatan dan pengiktirafan kepada warga JPN di atas khidmat bakti dan kecemerlangan yang ditunjukkan sepanjang tahun 2015.

Majlis yang penuh gilang-gemilang ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed, Timbalan Menteri Dalam Negeri I dan turut dihadiri oleh wakil dari agensi luar dan jabatan di bawah KDN. Majlis yang berkonsepkan **"The Future Depends On What You Do Today"** dimeriahkan dengan persembahan nyanyian dan tarian daripada Pasukan Bridged Kesenian JPN.



Majlis turut diserikan dengan tayangan video imbasan 2015 yang memaparkan segala aktiviti warga JPN sepanjang tahun. Seramai 345 orang warga JPN telah dipilih menerima anugerah APC di mana 29 orang adalah daripada kumpulan Pengurusan & Profesional dan 316 orang lagi adalah daripada kumpulan



pelaksana. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar semua penerima APC bersama YB Timbalan Dalam Negeri I dan KPPN.



MAJLIS PERSARAAN 2016

Majlis Persaraan Jasamu Dikenang JPN telah diadakan pada 15 April 2016 di Balora Perdana, Ibu Pejabat JPN Putrajaya. Majlis diadakan bagi meraikan pesara dan bakal pesara yang bersara wajib dan pilihan sepanjang tahun 2016. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri.

Seramai 121 orang pegawai dan kakitangan JPN yang terdiri daripada pelbagai skim dan gred jawatan yang bersara wajib dan pilihan pada tahun 2016 telah diraikan. Sambutan meriah majlis

yang berkonsepkan "**The Best Is Yet To Come**" adalah sebagai tanda penghargaan di atas segala pengorbanan dan khidmat bakti yang dicurahkan sepanjang berkhidmat.

Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan nyanyian dari artis jemputan iaitu Hail Amir, Uji Rashid dan juga persembahan dari Briged Kesenian dan juga warga kerja JPN





MAJLIS CLOCK OUT KETUA PENGARAH PENDAFTARAN NEGARA KE-19


Majlis *Clock Out* YBhg. Dato' Sri Sulaiman bin Hj. Keling, Ketua Pengarah Pendaftaran Negara Ke-19 telah diadakan pada 13 Mei 2016 bagi meraikan persaraan beliau yang bersara wajib mulai 14 Mei 2016.

Warga JPN amat menghargai segala sumbangan dan khidmat bakti yang telah diberikan sepanjang perkhidmatan beliau bersama JPN.



MAJLIS SEKALUNG BUDI PERPISAHAN TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDAFTARAN NEGARA (PENGURUSAN)

Majlis Sekalung Budi meraikan perpisahan YBhg. Datin Seri Elena Chiang Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (Pengurusan) telah diadakan pada 27 Mei 2016. YBhg. Datin Seri Elena Chiang telah dinaikkan pangkat ke Cred Utama JUSA B menjawat jawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Keusahawanan Desa) di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berkuatkuasa pada 30 Mei 2016.



AKTIVITI WARGA JPN

MAJLIS BERBUKA PUASA 2016/1437H

Majlis Berbuka Puasa diadakan pada 28 Jun 2016 di Ibu Pejabat JPN Putrajaya. Majlis dimulai dengan bacaan yaasin dan ceramah di surau yang dihadiri oleh warga JPN bersama ahli keluarga masing-masing. Majlis diteruskan dengan solat fardhu dan solat sunat Tarawih secara berjemaah yang turut disertai oleh Pengurusan Tertinggi, warga JPN dan keluarga di Surau JPN.





MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2016/1437H

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri telah diadakan pada 26 Julai 2016 bertempat di Balora Perdana, Ibu Pejabat JPN Putrajaya. Majlis diadakan bagi meraikan warga JPN di samping mengeratkan hubungan antara warga JPN. Tetamu kehormat yang turut hadir adalah Timbalan Menteri Dalam Negeri, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Dalam Negeri (KDN), Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) (TKSU(P)) KDN dan Pegawai Kanan KDN.

Sebanyak 12 gerai makanan dan minuman telah disediakan oleh Bahagian-bahagian di Ibu Pejabat JPN.





PROGRAM KORBAN AIDILADHA 2016/1437H

Program Korban Aidiladha telah diadakan pada 12 Oktober 2016 di Presint 14, Putrajaya. Majlis bermula selepas solat Hari Raya Aidiladha dan telah disempurnakan oleh YBr. Tuan Mohd Yazid bin Ramli, Ketua Pengarah Pendaftaran Negara.

Sebanyak empat (4) ekor lembu telah disumbangkan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri dan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri bagi pelaksanaan program ibadah korban tahun 2016.



SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1438H/2016M

Sambutan Maal Hijrah 1438H/2016M telah diadakan pada 2 Oktober 2016 bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor. Majlis dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Perarakan ini disertai oleh 150 kontinjen terdiri daripada pelbagai Kementerian/Jabatan/Agensi. Seramai 35 orang pegawai/kakitangan JPN telah mewakili kontinjen JPN dan menyertai perarakan tersebut. Tema sambutan pada tahun ini ialah "Ukhwah Islamiah Asas Penyatuan Ummah".



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1438H/2016M PERINGKAT KEBANGSAAN

Maulidur Rasul tahun 2016 disambut pada 12 Rabiulawal 1438H bersamaan 12 Disember 2016. Sambutan di peringkat Kebangsaan diadakan pada 11 Disember 2016 di Masjid Putra, Putrajaya.

Sambutan ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Tema adalah "Ukhwah Islamiyyah Asas Penyatuan Ummah".

Seramai 50 orang mewakili JPN sempena sambutan Maulidur Rasul tahun 1438H/2016M yang diketuai oleh KPPN dan turut disertai oleh TKPPN (P).



SUKAN JPN (SUPMA 2016)

Kejohanan Sukan JPN (SUPMA 2016) telah berlangsung pada 15 hingga 17 April 2016 bertempat di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Bangi. Ianya dianjurkan oleh Majlis Kebajikan, Kebudayaan dan Riadah (MADAH) JPN.

Kejohanan SUPMA ini berlangsung setiap dua (2) tahun dan penyertaan kali ini melibatkan lebih 800 orang pegawai dan kakitangan JPN dari seluruh negara.

Ibu Pejabat JPN Putrajaya telah muncul sebagai johan keseluruhan, manakala Sabah muncul sebagai naib johan dan tempat ketiga disandang oleh Kelantan.



WARGA JPN >>

PUSPANITA

PUSPANITA

MESYUARAT AGUNG PUSPANITA CAWANGAN KECIL JPN 2016

Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kecil JPN telah diadakan pada 5 Februari 2016 di Balora Perdana, Ibu Pejabat JPN Putrajaya. Program ini telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama Bahagian Latihan, Ibu Pejabat JPN Putrajaya, Kementerian Kesihatan Malaysia (Hospital Putrajaya), Institut Kanser Negara (IKN) dan PUSPANITA Kebangsaan bersempena Program Hari Kesedaran Kesihatan Wanita JPN 2016. Antara pengisian mesyuarat ini adalah ceramah kesihatan wanita dari Bahagian Obstetrik & Ginekologi, Hospital Putrajaya, pameran dari Institut Kanser Negara, pemeriksaan kesihatan dari Klinik Kesihatan Putrajaya, gerai jualan dan cabutan bertuah.





PROGRAM KEUSAHAWANAN DAN MEMPERKASAKAN USAHAWAN MUDA *ONLINE*

Program Keusahawanan Dan Memperkasakan Usahawan Muda *Online* Anjuran Biro ICT, Kementerian Dalam Negeri telah diadakan pada 9 Mac 2016. Objektif program ini adalah untuk memberi pengetahuan dan memupuk sifat keusahawan dalam diri ahli PUSPANITA di samping melatih kepimpinan



dan kemahiran berorganisasi melalui penganjuran program ini serta menjana ahli PUSPANITA yang lebih beridealisme, proaktif dan kreatif menerusi kerjasama dan interaksi antara peserta dan agensi luar. Penceramah jemputan yang hadir ke program ini adalah Encik Wan Indera Lutfi bin Wan Abu Bakar dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Puan Noraini binti Abdul Rahman, Pengarah Urusan, Genius Caliph Centre.

Program ini turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Datin Sri Roba'aishah Binti Mohd Ghazali, Pengerusi PUSPANITA Cawangan KDN, YBhg. Datin Sri Noriza Binti Mohd Nor, Timbalan Pengerusi PUSPANITA Cawangan KDN, YBhg. Datin Sri Zur'aini Binti Yaacob, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil JPN dan juga YBhg. Datin Faridatul Akma binti Md Taib, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil AADK.



PROGRAM PUSPANITA SEMPENA HARI PENDAFTARAN NEGARA 2016

Pada 4 hingga 7 Oktober 2016, bersempena Hari Pendaftaran Negara 2016, PUSPANITA Cawangan Kecil JPN telah terlibat dalam jualan kraftangan, aksesori, *preloved* serta menawarkan perkhidmatan refleksologi dan henna kepada semua pengunjung JPN.



SAMBUTAN BULAN KELUARGA 1MALAYSIA KEBANGSAAN

JPN melalui PUSPANITA Cawangan Kecil JPN dan Bahagian Latihan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat telah mengadakan Program Sambutan Bulan Keluarga 1Malaysia peringkat JPN pada 30 November 2016, bertemakan "*Keluarga Proaktif dan Sihat menjamin Kesejahteraan Insitisi Keluarga*". Sambutan ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Mohd Yazid bin Ramli, Ketua Pengarah Pendaftaran Negara. Antara pengisian program adalah Mesyuarat Tahunan PUSPANITA JPN 2016, ceramah kekeluargaan, *Fashion Show* Ibu dan Anak, saringan dan pameran kesihatan.





AKTIVITI PUSPANITA CAWANGAN KECIL JPN DAN AKTIVITI YANG DISERTAI ANJURAN KEMENTERIAN & KEBANGSAAN 2016

Jabatan:

1. Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kecil JPN - 5 Februari 2016
2. Hari Kesedaran Kesihatan Wanita - 5 Februari 2016
3. Lawatan ke Kumpulan Media Karang kraf Shah Alam, Selangor - 29 Januari 2016
4. Program Keusahawanan dan Memperkasakan Usahawan Muda *Online* - 9 Mac 2016



5. Lawatan ke Hari Kraf Kebangsaan - 10 Mac 2016
6. Sukan Pendaftaran Negara Malaysia - 16 April 2016
7. Program *Team Building* JPN 2016 di Tasik Kenyir - 7 hingga 9 Mei 2016
8. *Farewell* Mantan Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil JPN, YBhg. Datin Sri Zur'aini binti Yaacob - 13 Mei 2016
9. Lawatan Berpadu Berkumpulan Sempena Warna-Warni Aidilfitri 2016 di Pusat Kraf Jalan Conlay - 24 Jun 2016



10. Lawatan ke Karnival Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK) & Pertandingan Kemahiran Asean 2016 - 26 September 2016
11. Pembukaan *booth* semasa Hari Pendaftaran Negara - 4 hingga 7 Oktober 2016
12. Sambutan Bulan Keluarga 1Malaysia dan Mesyuarat Tahunan PUSPANITA - 30 November 2016



13. Lawatan ke MAHA 2016 - 9 Disember 2016
14. Megasale PUSPANITA 2015 - 2 kali Sebulan
15. Jualan Hari Sabtu anjuran Biro Ekonomi - Setiap Hari Sabtu

Kementerian:

1. Majlis Sekalung Budi, Semesra Kenangan di Hotel Bangi - Putrajaya - 12 Januari 2016
2. Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan KDN - 20 Januari



- 2016
3. Lawatan Sambil Belajar ke SIRIM - 12 Februari 2016
4. Bengkel PERASA anjuran JPPM - 23 Mac 2016
5. Ladies Nite PUSPANITA Cawangan KDN - 18 Mei 2016
6. Program Kunjungan Kasih Bersama YABhg Datin Seri Dato' Sri Hamidah Khamis, Isteri Timbalan Perdana Menteri di Klinik Cure & Care Sg. Besi, Kuala Lumpur - 26 Julai 2016
7. Sukaneka *Indoor Games* di Penjara Kajang - 13 Ogos 2016



8. Program Penerapan Nilai-Nilai Murni Perkongsian Budaya Melalui Tayangan Filem - 19 Ogos 2016
9. Program Kesukarelawan IM4U di Jenderam Hilir, Dengkil - 30 Ogos & 1 September
10. Lawatan ke Pusat Permata Kurnia, Kuala Lumpur - 7 September 2016



11. Sesi Perkongsian Ilmu “Gelombang Ancaman-Ancaman Luar Ke Atas Malaysia Dan Kesediaan Kita Menghadapinya” - 8 September 2016
12. Lawatan Sambil Belajar ke Bukit Nanas - 8 November 2016
13. Majlis Seharum Kasih Semekar Budi - 11 November 2016
14. Sertai *The Putrajaya International Islamic Art & Festival* di PICC - 2 Disember 2016



8. Majlis Khatam Al-Quran dan Solat Tasbih anjuran Biro Agama PUSPANITA Kementerian Dalam Negeri di Dewan Gemilang, KDN Blok D1 - 24 Jun 2016
9. Perarakan dan Perbarisan Kontinjen PUSPANITA Kebangsaan sempena Sambutan Kemerdekaan Ke 59 - 31 Ogos 2016
10. Persidangan Tahunan Agama Puspanita “Menyemai Kasih Di Dunia, Menuai Cinta Di Syurga” - 11 Oktober 2016



Kebangsaan

1. Seminar Tansformasi Kepimpinan Wanita “Ilmu Pemangkin Generasi Cemerlang” - 25 April 2016
2. Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA (MAP) Ke-34 - 26 April 2016
3. *Ladies Nite Namaste Bollywood* - 26 April 2016
4. Seminar Tahunan Kesihatan Puspanita “Lelaki: Hargai Kesihatan Anda!” - 26 Mei 2016



11. Lawatan Sambil Belajar Puspanita Ke Edu-Park, Universiti Putra Malaysia - 19 Oktober 2016
12. Seminar Tahunan Kesihatan Wanita - 20 Oktober 2016
13. Persidangan Tahunan PUSPANITA - 17 November 2016
14. Program Keusahawan PUSPANITA Kebangsaan - 25 & 26 November 2016



5. Forum Kesihatan Siri 1: “Love Your Kidney” di Kementerian Kesihatan Malaysia - 13 Jun 2016
6. Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran “Semarakkan Ramadhan 1437H/2016 di PUSPANITAPURI - 15 Jun 2016
7. Majlis Berbuka Puasa bersama KSN di PUSPANITAPURI - 20 Jun 2016



WARGA JPN >>

AKRAB JPN

RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM - AKRAB

PROGRAM KESEJAHTERAAN MINDA - CERAMAH KESIHATAN



AKRAB telah menjadikan tahun 2016 sebagai tahun kesedaran penjagaan kesihatan untuk warganya memandangkan ramai di kalangan warga JPN yang menghidapi penyakit yang kritikal seperti jantung dan strok.

AKRAB JPN dengan kerjasama Bahagian Latihan telah mengadakan beberapa siri ceramah kesihatan dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Putrajaya. Sesi perkongsian ilmu ini banyak memberi manfaat kepada warga JPN melalui ceramah yang disampaikan. Teknik penjagaan kesihatan yang baik melalui ceramah ini dapat menghasilkan pekerja yang sihat dan berwibawa. Antara ceramah kesihatan yang telah diadakan pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

Ceramah

1. Pengurusan Stres - 11 Mei 2016
2. Nafas Baru Ramadhan Tanpa Rokok - 15 Jun 2016
3. Cegah Penyakit Melalui Diet & Kawalan Berat Badan - 10 Ogos 2016
4. Jantung Sihat - 14 September 2016
5. Diet & Penyakit Diabetes: Adakah Ambil Berlebihan? - 12 Oktober 2016
6. Obesiti & Penyakit Berkaitan Obesiti - 16 November 2016
7. Diet & Hiperkolesterolemia - 14 Disember 2016





PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT - CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) AKRAB

Program Tanggungjawab Sosial Korporat - *Corporate Social Responsibility (CSR)* AKRAB di JPN diadakan bertujuan untuk menunjukkan kecaknaan terhadap kepentingan perkhidmatan kepada AKRAB serta mendekatkan diri dengan masyarakat melalui program program berikut:-

1. Program Kunjungan Kasih Keluarga Asnaf Di Daerah Sepang.

Program Kunjungan Kasih anjuran AKRAB JPN ke rumah keluarga Asnaf telah dilaksanakan pada 28 Jun 2016 bagi membantu meringankan beban keluarga yang kurang berkemampuan di Daerah Sepang sempena menyambut bulan Ramadan dan Syawal. Melalui program ini, dapat dilihat kecaknaan terhadap pentingnya program khidmat



masyarakat di kalangan Ahli AKRAB JPN. Rasa simpati dan empati juga dapat diterapkan melalui program ini.

Ahli AKRAB telah menyerahkan barang keperluan asas dan wang tunai untuk keperluan berbuka puasa dan menyambut Hari Raya kepada 10 keluarga Asnaf yang dikenalpasti melalui Jabatan Kebajikan Daerah Sepang. Barangan ini telah disumbangkan oleh warga Ibu Pejabat JPN Putarajaya.

2. PROGRAM KE RUMAH ANAK YATIM DAN ASNAF BAITUL BAROKAH, SEPANG, SELANGOR

Program Kunjungan Kasih oleh AKRAB JPN ke Rumah Anak Yatim Baitul Barokah Wal Mahabbah, Sepang, Selangor telah diadakan pada 5 November 2016. Baitul Barokah Wal Mahabbah adalah merupakan sebuah rumah kebajikan menempatkan seramai 90 orang kanak-kanak berusia antara tujuh (7) hingga 15 tahun yang terdiri daripada kalangan anak-anak yatim, fakir miskin dan asnaf zakat.

AKRAB JPN merasakan anak-anak yatim harus diberi perhatian memandangkan mereka merupakan golongan yang kurang bernasib baik kerana ketiadaan ibu atau bapa



atau kedua-duanya. Di samping itu, terdapat juga kanak-kanak yang berasal daripada keluarga yang susah dan memerlukan perhatian.

3. PROGRAM KUNJUNGAN KASIH

Pada tahun 2016 AKRAB telah mengadakan program kunjungan kasih bagi menziarah pegawai JPN yang menghadapi sakit kritikal dan yang meninggal dunia. Program ini bertujuan :

- i. Menzahirkan rasa simpati di kalangan ahli AKRAB kepada rakan sekerja yang sakit melalui lawatan kekeluargaan ini di mana terdapat rasa empati pada masalah yang dihadapi oleh rakan sekerja;
- ii. Menjalinkan hubungan erat antara ahli AKRAB bersama kakitangan beserta keluarga atas rasa simpati terhadap penderitaan yang ditanggung;

- iii. Menyelami perasaan rakan sekerja di samping memberi sokongan rohani kepada mereka; dan
- iv. Memberi semangat dan sokongan kepada rakan sekerja dan keluarga.

Lawatan kekeluargaan yang telah diadakan adalah seperti berikut:

1. YBhg. Datin Seri Elena Chiang Abdullah
2. En. Ilma Hafizi Bin Mohd Shamsudin
3. En. Abd. Rashid Bin Hamzah
4. En. Rashid Bin Tahir
5. Pn. Bairuz Uqabad Binti Abdullah
6. Pn. Zaliha Binti Mohd Nor
7. En. Mageswari A/L Shammugam

PROGRAM AKRAB SEMPERNA HARI JPN

AKRAB JPN tidak ketinggalan dalam menganjurkan beberapa program sempena dengan sambutan Hari Pendaftaran Negara dengan menganjurkan program seperti berikut:

- i. Program pemeriksaan kesihatan oleh Pejabat Kesihatan Presint 11 Putrajaya
- ii. Program kesihatan oleh *Pathologi Clinical dan Laboratory* (PATHLAB)
- iii. Program Derma Darah dengan kerjasama Pusat Darah Negara
- iv. Gerai jualan AKRAB JPN

Program pemeriksaan kesihatan diadakan bagi menjamin kesihatan warga JPN berada di tahap yang baik dan memuaskan. Melalui pemeriksaan kesihatan ini warga JPN dapat mengesan lebih awal jenis penyakit yang dihadapinya dan langkah-langkah yang perlu diambil sebelum sesuatu penyakit itu menjadi lebih serius.

Seramai 170 orang telah menjalani pemeriksaan kesihatan dan seramai 143 orang telah mendaftar untuk menderma darah. Walau bagaimanapun daripada jumlah tersebut, hanya 97 orang sahaja yang berjaya menderma darah setelah pemeriksaan kesihatan dilakukan oleh Pegawai Perubatan pada tarikh tersebut.





**LAPORAN
TAHUNAN 2016**

**JABATAN PENDAFTARAN NEGARA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**



LAPORAN TAHUNAN 2016
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

NO. 20 PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62551, W.P. PUTRAJAYA, MALAYSIA
TEL: 03-88807000 | FAKS: 03-88807740
WWW.JPN.GOV.MY